


Jilid 1
Bil.27



Hari Isnin
21hb Januari, 1991

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3969]

RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3995]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1991

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B.25 [Ruangan 3995]

Maksud B.26 dan B.27 [Ruangan 4001]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1991

Jawatankuasa—

Maksud P.25 [Ruangan 3995]

Maksud P.26 dan P.27 [Ruangan 4001]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL,
P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR
MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S.
(Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Luar Bandar,
TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P.,
D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU,
S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P.,
D.P.C.M. (Bcruas).

„ Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH
Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO'
DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Pctra Jaya).

„ Menteri Pcranian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.S.D.K.,
D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).

„ Menteri Pcnididikan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, S.S.A.P.
(Permaiang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S.,
D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P.
(Merbok).

„ Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

„ Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL
RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P.,
P.N.B.S. (Pekan).

„ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P.,
S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO* SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

- „ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOP BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (BeSUt).
- „ Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S, (Sarikei).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, TUAN SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, A.M.N. (Kota Tinggi).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR B»N HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Mncicri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Balu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL Rosu BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Periahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tcmpalan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menleri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Sclayang).

Yang Bcrhormat TimbaJan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAM DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., s.M.s. (Baling).

- „ Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempal).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, O.P.M.S. (Tiiiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, TUAN MOHAMED FARID BIN ARIFFIN (Balik Pulau).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA Jui MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ Tunbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).
- „ Timbalan Menleri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).
- „ Timbalan Menieri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., K.M.N., A.M.N., PPC (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR FONG CHAN ONN (Selandar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).
- „ Timbalan Menieri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY (Lipis).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T. J.P. (Bagan Datok).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Tanah dan Pembangunan Kopcrasi, TUAN MOHD. NOH BIN RAIAB (Tampin).

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

„ Seuausaha Parlimen, Kementerian Pertanian, TUAN MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, P.P.T. (Tasek Gelugor).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Kesihatan, TUAN ONG KA TING (Pontian).

Setiausaha Parlimen, Kementerian Penerangan, DATO' HAJI FAUZI BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

TIIAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.O.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTKMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNB? (Muar).

DATUK HAJI ABDUL RASHID BIN MUHAMMAD (Kuala Nerus).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Kota Samarahan).

„ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

„ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.I.K. (Hulu Terengganu).

Yang Berhormat DATUK AMK KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

- „ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.I.K. (Kuala Langat)
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Pcnampang).
- „ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).
- „ TUAN HAJI BUNYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).
- „ DR V. DAVID (Puchung).
- „ TUAN FONG KUI LUN (Klang).
- „ TUAN FOO PIEW KOK (Balu Gajah).
- „ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bcndera).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).
- „ TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).
- „ CHE IBRAHIM BIN MUSTAPA (Sungai Pelani).
- „ LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).
- „ PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).
- „ TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).
- „ DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI JARJIS (Rompin).
- „ TUAH JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JOSEPH MAUH AK IKEH (Selangau).
- „ TUAN QAMARUZAMAN BIN HAJI ISMAIL (Bagan Serai).
- „ TUAN KANG CHOW OH (Kluang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).
- „ DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

Yang Berhormat DATO' K. KUMARAN (Tapah).

- „ TUAN LAI LUN TZEE (Sandakan).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).
- „ TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Sepuleh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).
- „ DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).
- „ DATO' M. MAHALINGAM (Kapar).
- „ TUAN HAJI MAHBUD BIN HAH HASHIM (Sabak Bernam).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ DR T. MARIMUTHU (Telok Kemang).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.I.K. (Maran).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).
- „ TUAN MOHAMAD KHALID BIN NORDIN (Johor Bahru).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.I.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAH MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATUK MONGGOH OROW P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L., K.st.J. (Limbawang).
- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

Yang Berhormat DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

- „ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY (Nibong Tebal).
TUAN RADIN MALLEH (Padas).
- „ PUAN HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP (Shah Alam).
TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Scrian).
PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).
TUAN RUHANIE BIN AHMAD (Parit Sulong).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K.,
S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).
DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
PUAN Sm ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Segamat).
- „ TUAN HAJI SHUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).
- „ TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).
DATUK DANIEL TAIEM ANAK MIRI , P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).
TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
DR TAN SENG GIAW (Kepong).
TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).
WAN HANAHAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).
WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).
TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL SIN WAN MAHMOOD (Tumpat).
WAN OMAR BIN WAN NAJIB (Pasir Puteh).
TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).
TUAN WONG WING ON (Kampar).
TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).
DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).
TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).
TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., PLS. (Senai).
TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).
TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).
TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAIKANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman, D.P.M.P.
J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Abdul Rahim bin Abdut.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha: Haji Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Hj. Yahya bin Manap.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Shamsiah binti Md. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Isnin, 21hb Januari, 1991

Mesyuarat dimulakan pada pukul 230 petang

D O A

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

BARANGAN SELUDUP—NILAI

1. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan nilai barangan seludup yang telah dapat dirampas melalui penguatkuasaan bagi tahun 1989 dan 1990. Apakah barangan seludupan yang terbanyak sekali dan apa pula barangan seludupan yang paling bernilai tinggi.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, nilai barangan seludup yang telah dapat dirampas melalui penguatkuasaan adalah seperti berikut:

| <i>Tahun</i> | <i>Nilai</i> |
|---------------------------------|-----------------|
| 1989 | \$12,724,957.93 |
| 1990 (Januari— September) | \$9,150,826.38 |

Barangan seludup yang terbanyak sekali ialah kain suting dan shirting, dengan izin, dan barangan seludup yang paling bernilai tinggi ialah rokok keretek.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Kewangan menyatakan dari kawasan pintu masuk manakah ke Malaysia yang banyak sekali barang-barang seludup ini dibawa masuk dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengurangkan kegiatan-kegiatan ini?

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita merujuk kepada dua barangan ini iaitu suting shirting dan juga rokok keretek, ia datangnya dari sebelah Selatan Semenanjung, maka kawasan-kawasan yang agak terdedah kepada penyeludupan barang-barangan tersebut ialah daripada pantai sebelah Johor Bharu sehinggalah ke pantai di Padang Remis.

Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang dibuat adalah mengikut peruntukan undang-undang yang diberikan kepada pihak Kastam iaitu dengan berbagai-bagai cara, terutama sekali untuk sentiasa mengesan sumber-sumber hsyikan yang dibuat oleh pihak Kastam dan juga kemudahan-kemudahan rondaan di perairan dan kemudahan peruntukan undang-undang yang mengizinkan pihak penguatkuasa untuk membuat serbuan dan juga membuat sekatan-sekatan jalan dan pemeriksaan-pemeriksaan 100% pada masa-masa yang tertentu.

Tuan Ahmad bin Nor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun pihak penguatkuasa seperti Jabatan Kastam dan Jabatan Polis mahupun pihak yang lain telah mengambil langkah

dengan begitu gigih untuk mencegah penyeludupan, saya ingin tahu, disebabkan oleh kerana penyeludupan ini masih berleluasa. apakah tidak ada rancangan pihak Kementerian Kewangan untuk menambah, dengan izin, reward, kepada informer-informer yang telah memberi maklumat berhubung dengan kes-kes penyeludupan dan saya juga ingin tahu apakah kadar reward yang dibayar sekarang kepada informer-informer yang memberi maklumat-maklumat kepada pihak yang berkuasa.

Tuan Abdul Ghani bin Othman:

Tuan Yang di-Pertua, memanglah langkah digunakan oleh pihak penguatkuasa untuk mendapatkan maklumat-maklumat daripada sumber-sumber yang boleh digunakan dengan tepatnya. Di antara sumber-sumber tersebut ialah daripada risikan-risikan yang dibuat oleh mana-mana pihak yang sanggup untuk mengadakan kepada pihak penguatkuasa dan tentang reward ataupun ganjaran, itu adalah berdasarkan kepada nilai tangkapan yang dibuat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya perkara itu hendak dikaji, rasanya sehingga kini prinsip dan garis panduan yang digunakan ialah ganjaran adalah berdasarkan kepada nilai tangkapan barangan yang dibuat. Pada pihak Kerajaan ini adalah munasabah di mana lebih tinggi nilai yang dirisikan itu dapat ditangkap, maka lebih tinggilah ganjaran yang diterima oleh pihak-pihak yang merisik.

**BURUH ASING—SYARAT
PENGAMBILAN**

2. Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar minta Menteri Sumber Manusia menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan untuk mana-mana syarikat mendapatkan lesen import buruh asing. Apakah dasar Kementerian mengenai pengimportan buruh asing ini.

Menteri Sumber Manusia (Dato' Lim Ah Lek): Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapatkan kebenaran membawa masuk buruh asing, syarikat yang terlibat dikehendaki mempunyai lesen untuk menjalankan urusan Agensi Pekerjaan Swasta yang dikeluarkan di bawah Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 oleh Jabatan Tenaga Rakyat dan didaftarkan sebagai agensi pengambilan buruh asing dengan Jawatankuasa Pengambilan Buruh Asing. Syarikat-syarikat yang diberi kelulusan oleh Jawatankuasa tersebut untuk pengambilan buruh asing akan dikenakan syarat-syarat berikut:

- (i) Syarikat-syarikat yang menguruskan kemasukan buruh asing dikehendaki mengemukakan wang cagaran atau jaminan bank atas kadar-kadar berikut:
 - (a) Bagi syarikat yang menguruskan kemasukan pembantu rumah Pilipina, agensi dikehendaki mengemukakan wang cagaran atau surat jaminan bank bernilai \$100,000.
 - (b) syarikat yang membawa masuk buruh Bangladesh dikehendaki mengemukakan wang cagaran/surat jaminan bank bernilai \$100,000; dan
 - (c) syarikat yang membawa masuk buruh/pembantu rumah dari Indonesia dikehendaki mengemukakan wang cagaran/surat jaminan bank bernilai \$10,000.
- (ii) Sebelum sesuatu permohonan untuk membawa masuk pekerja asing ke negara ini diberi pertimbangan, syarikat yang terlibat dikehendaki membukikan kepada Jawatankuasa Pengambilan Buruh Asing bahawa usaha-usaha untuk mendapat pekerja tempatan tidak berjaya.

- (iii) Setelah pekerja berada di negara ini, syarikat yang terlibat membawa masuk pekerja asing dikehendaki memastikan pekerja bekerja dengan majikan yang ditetapkan di samping mematuhi lain-lain syarat yang dikenakan oleh Jabatan Imigresen.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, dalam mengisi jawatan kosong adalah dasar Kerajaan memberi keutamaan kepada warganegara Malaysia. Pekerja asing hanya akan dipertimbangkan untuk mengisi pekerjaan yang memerlukan kepakaran atau kemahiran khas ataupun bidang pekerjaan yang tidak diminati oleh warganegara.

Tuan Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Menteri berkenaan memberitahu sama ada timbulnya syarikat-syarikat ataupun sindiket haram yang menjalankan pengimportan buruh-buruh asing ini, dan sila juga beritahu sama ada kebanyakan yang diseludup masuk itu lelaki ataupun perempuan. Jika perempuan, adakah semuanya menjadi buruh haram atau menjadi apa-apa yang lain seperti yang diketahui oleh setengah orang dan apakah langkah-langkah yang diambil mengenai perkara tersebut?

Dato' Lim Ah Lek: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia hanya bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen agensi untuk menjalankan kerja membawa masuk buruh asing. Jadi, sama ada mereka ini melanggar syarat selepas lesen itu dikeluarkan adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri oleh kerana ia terlibat dengan imigresen. Walau bagaimanapun, baru-baru ini iaitu pada Jumaat yang lalu, saya telah mencadangkan kepada pihak Jabatan Imigresen supaya mengadakan penguatkuasaan bersama dengan Kementerian

Sumber Manusia untuk memastikan bahawa syarikat-syarikat yang mendapat lesen import buruh asing ini tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengambilan Buruh Asing ini, dan ini akan mengelakkan dari segi melanggar syarat agensi licencee.

Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, kepada Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengemukakan dua soalan, yang pertama, berapa buahkah agensi-agensi yang melibatkan diri dalam pengambilan buruh asing ke negara kita?

Soalan yang kedua, berapakah jumlah buruh asing yang telah pun mendafiar dengan Kerajaan sehingga sekarang ini?

Dato' Lim Ah Lek: Tuan Yang di-Pertua, bilangan lesen agensi pekerjaan yang masih aktif sehingga bulan November, 1990 ialah sebanyak 209 agensi yang telah diluluskan di bawah Kemenerian saya. Dari jumlah itu, sebanyak 17 agensi telah diberi kelulusan membawa masuk buruh asing.

Untuk menjawab soalan yang kedua, berkenaan dengan jumlah bilangan pekerja-pekerja asing yang telah dibawa masuk, seperti apa yang dikatakan oleh saya sebentar tadi, Kementerian Sumber Manusia tidak mempunyai rekod mengenai pengambilan buruh asing yang diuruskan di bawah Kemenerian Dalam Negeri.

JALAN SUNGAI TIANG KE BAGAN SUNGAI BELUKANG—PEMBINAAN

3. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyalakan sama ada sedar rungutan penduduk-penduduk kampung yang menggunakan Jalan Sungai Tiang ke Bagan Sungai

Belukang dan dari Sungai Haji Muhammad ke Bagan Sungai Belukang di Bagan Datoh, Perak disebabkan:

- (a) jalan tambak tanah di situ tidak diturap batu dan minyak tar, menyebabkan berlubang-lubang dan lecah bila musim hujan, sejak lebih sepuluh tahun; dan
- (b) bekalan elektrik masih belum dimasukkan walaupun tiang-tiang elektrik sudah ditegakkan menjelang pilihanraya 21hb Oktober lalu.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar (Dato Mohamed bin Jamrah): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pihak Kerajaan memang menyedari rungutan penduduk tempatan berkenaan. Walau bagaimanapun, dakwaan yang dikemukakan itu adalah tidak benar.

Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pembinaan Jalan Sungai Tiang ke Bagan Sungai Belukang sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya secara berperingkat-peringkat dan dijangka akan siap keseluruhannya pada tahun 1992. Pembinaan jalan ini melibatkan perbelanjaan yang besar, kira-kira \$25 juta. Ini adalah kerana keadaan tanah yang lembut dan tidak stabil untuk dijadikan sebagai asas jalan. Di samping itu, ianya juga melibatkan pembinaan sebanyak 24 batang jambatan konkrit melintasi parit-parit pembuangan di kawasan terlibat. Manakala Jalan Sungai Haji Muhammad mukim Rungkup sedang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya dan dijangka akan siap pada tahun ini.

- (b) Perlulah ditegaskan bahwa dakwaan seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat tersebut adalah tidak benar. Untuk makluman Yang Berhormat, kerja-kerja pemasangan tiang dan urusan pendawaian elektrik telah dibuat mulai awal bulan Oktober, 1990 dan dijangka siap pada bila-bila masa. Kerja-kerja pemasangan tiang dan urusan memasukkan bekalan elektrik bagi kawasan yang dimasukkan menghadapi kesukaran kerana kedudukan rumah-rumah yang berselerak dan tidak teratur. Walau bagaimanapun, masalah tersebut telahpun dapat diatasi.

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan, tiang elektrik yang telah ditegakkan menjelang Pilihanraya Umum yang lepas itu adalah tidak benar. Tetapi adakah Yang Berhormat yang berkenaan sedar bahawa rungutan ini telahpun disiarkan dalam suratkhbar dan menjadi satu soalan di kampung yang berkenaan itu? Jika soalan ini tidak wujud ataupun masalah ini tidak benar, mengapa rungutan itu disampaikan oleh penduduk-penduduk kampung yang berkenaan? Sila jawab. (*Ketawa*)

Dato Mohamed bin Jamrah: Tuan Yang di-Pertua, saya hairan apabila rakan saya daripada Arau membincangkan berkenaan dengan Sungei Besi, orang Kepong cakap fasal apa dia sibuk berkenaan dengan Sungei Bcsi. Ini kawasan saya, Yang Berhormat sibuk fasal apa? (*Tepuk*)

Keduanya, saya tahu berkenaan masalah kampung berkenaan dan rungutan itu ada pada pengetahuan saya dan tindakan berkenaannya telahpun diusahakan.

**BIMBINGAN AGAMA
KEPADA ANGGOTA
TENTERA**

4. Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang minta Menteri Pertahanan menyatakan apakah bentuk bimbingan agama yang diberikan kepada anggota tentera yang beragama Islam. Berapa ramaiakah guru agama yang diambil bertugas bagi tujuan tersebut.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, ada dua bentuk bimbingan agama yang diberikan kepada anggota tentera yang beragama Islam iaitu Bimbingan Mental walaupun Pikrah dan Bimbingan Spiritual ataupun Rohaniah.

Dalam Bimbingan Mental, anggota tentera beragama Islam-diberi dan didedahkan kepada ilmu-ilmu keislaman yang merangkumi Pardu Ain dan Pardu Kifayah melalui Kelas Pengajian Formal dan Pengajian Tidak Formal.

Kelas Pengajian Formal dilaksanakan mengikut ketentuan sukatan yang digariskan dengan berpandukan kepada kaedah dan pendekatan yang membolehkan anggota-anggota tentera yang berlainan latarbelakang dan kelulusan yang berbeza itu digabungkan, di mana dari sinilah bimbingan mental itu dialirkan secara berierusan dan mengikut tempoh-tempoh perkhidmatan masing-masing.

Pengajian yang tidak formal pula dilaksanakan secara berterusan kepada anggota-anggota tentera melalui aktiviti-aktiviti yang direncanakan mengikut ketentuan dasar pembinaan mental Islam Angkatan Tentera Malaysia menerusi:

- (a) Seminar;
- (b) Porum/Nadwah;
- (c) Muzakarah;
- (d) Kuliah-kuliah;

- (e) Tulisan-tulisan yang diedarkan dari masa ke semasa;
- (f) Ceramah-ceramah pada hari-hari kebesaran Islam; dan
- (g) Majlis-majlis ilmu di masjid-masjid dalam Angkatan Tentera.

Dalam bimbingan spiritual anggota dibimbing secara amali melalui:

- (a) bimbingan langsung seperti Khemah Ibadah dan latihan amali yang dijalankan sewaktu anggota menjalani latihan ketenteraan biasa; dan
- (b) kursus-kursus khas yang diadakan dari semasa ke semasa.

Jumlah Guru Agama yang bertugas bagi mengendalikan hal-hal keagamaan dalam Angkatan Tentera ialah seramai 675 orang iaitu terdiri dari 474 orang Guru Agama Tentera dan 201 Guru Agama Awam.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kerajaan menambah jumlah guru agama ini mengikut perkembangan pembesaran Angkatan Tentera.

Yang kedua, adakah mereka itu menyertai mana-mana operasi ketenteraan bagi membimbing ketika tentera berada dalam operasi tersebut?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, pastilah bila anggota kita bertambah maka kita akan menambah guru-guru agama ini mengikut keperluan yang diadakan. Kita ada kuota beberapa anggota tentera untuk beberapa orang guru agama. Bagi soalan yang kedua ini jika diperlukan semasa menjalankan operasi, jika masa itu memakan masa yang panjang, guru-guru agama ini mengikut masing-masing pasukan yang telah ditentukan dan perkara ini dijalankan dari masa ke semasa mengikut keadaan.

**PROJEK PERUMAHAN BUKIT
ANGSANA/TAMAN KOBENA,
DICHERAS**

5. Tuan Tan Kok Wai minta Menteh Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada terdapat apa-apa rancangan untuk menghidupkan projek perumahan Bukit Angsana dan Taman Kobena di Cheras. Mengapa kedua-dua skim perumahan terbengkalai dan berapa ramai pembeli yang terlibat dan jenis rumah yang mereka beli pada setiap skim.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Osu bin Haji Sukam): Tuan Yang di-Pertua, Taman Kobena Cheras adalah sebuah projek perumahan yang dimajukan oleh Koperasi Belia Nasional iaitu sebuah pertubuhan koperasi yang didaftarkan di bawah Ordinan Pertubuhan-pertubuhan Koperasi 1948, Pindaan 1983. Oleh yang demikian, projek tersebut adalah di luar kawalan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menurut Seksyen 2(1)(a) Akta Pemaju Perumahan, Kawalan dan Pelesenan 1966. Walau bagaimanapun, Kementerian telah membawa tiga kes pembelian kerana lewat menyerahkan rumah kepada perhatian Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi untuk membantu mengatasi masalah pengadu-pengadu yang berkenaan itu.

Kementerian akan berterima kasih jika Yang Berhormat Ahli Parlimen kawasan Sungai Besi dapat bekerjasama untuk merujuk kes-kes seperti di atas itu kepada perhatian Jabatan tersebut juga untuk tindakan selanjutnya.

Berhubung dengan Taman Bukit Angsana, projek tersebut memperoleh kelulusan lesen pemaju perumahan yang berkuatkuasa mulai 14 Oktober 1983 dan tamat pada 13 Oktober 1985. Mengikut permohonan pemaju, projek tersebut mengandungi 34 unit rumah deret berharga sederhana, 326 unit rumah link, 40 unit rumah kedai dan 256

unit rumah pangsa. Menurut laporan pemaju sebelum lesennya tamat, projek tersebut tiada pembeli. Pihak kami juga tiada menerima aduan bahawa projek tersebut telah terbengkalai.

HOSPITAL BARU DI GOMBAK

6. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Menteri Kesihatan menyatakan memandangkan kesesakan lalulintas di Jalan Pahang, Kuala Lumpur dan akan bertambah sesak apabila Plaza Tol Jalan Pahang dikuatkuasakan dan pertambahan penduduk yang pesat di sekitar Setapak, Gombak, Ulu Kelang dan kawasan sekitarnya, maka Hospital Besar Kuala Lumpur dan Hospital Tibi tidak lagi mudah untuk didatangi, apakah Kementerian bercadang membina hospital baru bagi kemudahan penduduk daerah Gombak.

Menteri Kesihatan (Dato' Lee Kim Sai): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah membuat cadangan dalam Rancangan Malaysia Keenam untuk membina sebuah hospital baru di daerah Gombak yang akan ditempatkan di Selayang Baru,

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Nurnikman bin Abdullah.

(Soalan No. 7 Y.B. Tuan Nurnikman bin Abdullah tidak hadir)

**TERMINAL KONTAINER
KLANG—KESESAKAN**

8. Tuan Fong Kui Lun minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) apakah cadangan "SRI Container Haulage" untuk mengatasi masalah kesesakan di Terminal Kontainer Klang; dan
- (b) bilakah Kementerian akan melaksanakan cadangan "SRI Kontainer Haulage", jika tidak, mengapa.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Cadangan-cadangan utama Kajian Pengangkutan Kontena SRI ialah:
- (i) melaksanakan EDI (Electronic Data Interchange);
 - (ii) menambah kelengkapan pengangkutan kontena;
 - (iii) kaji prosedur kastam;
 - (iv) mengeluarkan lesen-lesen baru; dan
 - (v) melesenkan KTM (Keretapi Tanah Melayu).
- (b) Cadangan-cadangan Kajian ini telahpun dilaksana dengan setengah daripadanya dibuat sebelum Kajian ini dibentangkan kepada Jawalankuasa Kabinet Kemudahan Infrastruktur Bagi Peiaburan oleh kerana ianya adalah keputusan-keputusan awal sebelum Kajian ini dibuat. Tindakan-tindakan yang telah diambil ialah;
- (i) pelaksanaan EDI. Kajian ke atas projek ini sedang dibuat oleh Price Waterhouse yang akan mengemukakan laporan terakhir pada 29 April 1991;
 - (ii) ketiga-tiga syarikat yang dilesenkan telahpun menambah bilangan penggerak utama dengan izin prime movers dan casis yang dimiliki mereka;
 - (iii) Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia telah melaksanakan sistem pelepasan secara berkomputer dengan Fasa I projek perkomputeran bermula pada 1 Januari 1991; dan
 - (iv) lesen-lesen baru telahpun dikeluarkan kepada MISC dan KTM.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri berapakah jumlah kos kajian oleh SRI Container Haulage yang terpaksa ditanggung oleh Kerajaan.

Soalan yang kedua, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa pemberian permit kepada KTM untuk mengangkut kontena dari Pelabuhan Kelang tidak boleh menyelesaikan masalah kelewatan penyerahan barang-barang kepada pembeli kerana mana-mana destinasi yang tidak ada landasan, barang-barang akan diangkut oleh tori-lori juga. Jadi tidakkah boleh pengangkutan kontena diserahkan kepada syarikat-syarikat pengangkutan swasta dan adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mencadangkan lebih banyak permit dikeluarkan kepada syarikat-syarikat swasta?

Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail: Tuan Yang di-Pertua, mengenai kos kajian ini minta maaf, saya tidak ada jumatnya di sini bersama-sama saya.

Mengenai pemberian permit kepada KTM, kata Yang Berhormat ia tidak boleh menyelesaikan masalah, tetapi ianya dapat menyelesaikan sebahagian—bukan menyelesaikan keseluruhan masalah—sebahagian daripada masalah kerana Keretapi Tanah Melayu boleh mengangkut kontena-kontena ini sehingga sampai ke Ipoh di mana kita ada mempunyai depo di sana dan juga sampai di Butterworth. Dari situ kita terpaksa mengangkut ke lempat-iempat yang lain. Jadi, bagilah peluang dahulu. Baru lagi—belum lagi bermula sudah kata tidak boleh. Inilah sikap DAP. (*Ketawa*) Mengenai cadangan mengeluarkan permit-permit baru itu adalah di luar bidang kuasa Kementerian Pengangkutan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Michael Asang.

(Soalan No. 9 Y.B. Tuan Michael Asang tidak hadir)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Jawah Ak Gerang.

Tuan Jawab Anak Gerang: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyebut Soalan 10, bukan "Ak" lah, "Anak". (Ketawa) Tuan Yang di-Pertua, Soalan 10.

DAGANGAN KERETA-KERETA TERPAKAI

10. Tuan Jawah Anak Gerang minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai peraturan atau undang-undang untuk mengawal dagangan kereta-kereta terpakai, khasnya berkenaan dengan harga yang kadangkala begitu tinggi sekali dan untuk mengelakkan beberapa kes penipuan yang berlaku terhadap pembeli-pembeli yang tidak begitu pakar di dalam hal kereta. Memandangkan harga kereta bam begitu tinggi sekali dan di luar kemampuan orang ramai, dagangan kereta-kereta terpakai di negara ini telah berkembang begitu cepat, sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk menggubal undang-undang untuk mengawal segala dagangan dan urusan kereta terpakai di seluruh negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (Dato Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Hanison Ngau Laing.

Tuan Jawah Anak Gerang: Soalan No. 10 belum jawab lagi.

Dato' Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf—saya sudah jawab, dia tidak dengar. Jawapannya tidak.

JALAN RAYA MARUDI-MIRI—PEMBINAAN

11. Tuan Harrison Ngau Laing minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (1) bilakah kerja pembinaan jalan di antara:
 - (a) Marudi ke Miri; dan
 - (b) Marudi ke Taman Negara Mulu akan dimulakan dan seterusnya; bilakah jalan dari:
 - (i) Miri ke Lapok; dan
 - (ii) Marudi ke Lubok Nibong akan ditar.

Timbalan Menteri Kerja Raya (Datuk Peter Tinggom Anak Kamarau): Tuan Yang di-Pertua,

- (1) (a) untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan jalanraya dari Marudi ke Miri adalah merupakan projek Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, Kementerian Kerja Raya telah dimaklumkan bahawa reka bentuk jalan tersebut sedang disediakan pada masa ini.

Bagi soalan (b), pada masa ini, Kerajaan belum ada cadangan untuk membina jalan dari Marudi ke Taman Negara Mulu. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mengambil perhatian tentang cadangan Ahli Yang Berhormat.

Bagi soalan (b)(i), mengenai penurapan jalanraya dari Miri ke Lapok, ianya telah dicadangkan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Bagi jawapan 1(b)(ii), bagi projek Jalan Murudi/Lubok Nibong, sebahagian daripadanya akan diturap pada tahun 1991 dan sebahagian lagi akan diturap dalam Rancangan Malaysia Keenam.

DASAR WELFARE STATE

12. Dr. Sanusi bin Daeng Mariok minta Perdana Menteri menyatakan selepas tahun 1990, adakah Kerajaan bercadang untuk menggubal satu dasar menepati kehendak 'Welfare State'. Jika tidak, mengapa. Jika ya, apakah konsepnya.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk menggubal satu dasar berasaskan kepada konsep "Welfare State" kerana konsep tersebut tidak selaras dengan matlamat pembangunan negara ini untuk membolehkan setiap rakyat mempunyai peluang memupuk dan meningkatkan potensi hidup masing-masing.

Penerimaan konsep tersebut akan hanya mengurangkan daya inisiatif rakyat dan menggalakkan sikap terlalu bergantung kepada Kerajaan. Bagi negara ini, Kerajaan akan terus menggubal dasar-dasarnya berpandukan kepada Sistem Ekonomi Pasaran yang menerima hakikat bahawa sementara individu-individu diberi kebebasan mencapai potensi kemajuannya, Kerajaan perlu memainkan peranan mengadakan suasana yang menggalakkan serta memelihara keamanan dan keselamatan negara.

Kerajaan juga berpendapat amat perlu memastikan supaya faedah pembangunan negara dapat dinikmati oleh semua rakyat secara adil dan saksama. Selaras dengan hasrat inilah dasar-dasar negara seperti Dasar Ekonomi Baru, Dasar Pendidikan Negara dan Dasar Kebajikan Negara digubal dan dilaksanakan. Menerusi dasar-dasar ini.

unsur-unsur kebajikan dan bantuan tetap dipertahankan. Di samping itu, falsafah yang lebih tepat dan sesuai dengan budaya negara ini dapat diamalkan di mana pihak Kerajaan mengadakan program-program untuk memelihara kesejahteraan rakyatnya dan masa yang sama tiap-tiap ahli masyarakat pula memikul tanggungjawab bagi diri sendiri dalam konteks persekitaran sosial yang adil dan saksama serta amalan budaya ikram yang boleh membentuk masyarakat penyayang.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Periua, soalan tambahan. Dalam kempen-kempen pilihanraya yang lepas, APU telah mengeluarkan manifesto yang pada akhirnya kalau mereka berjaya, mereka akan mewujudkan Welfare State. Jadi saya ingin bertanya, oleh kerana mereka telah menang di Kelantan, apakah pandangan ataupun halangan daripada Kerajaan Pusat kalau sekiranya Kerajaan Ncgcri Kelantan ingin menjadikan negeri tersebut sebagai Negeri Kebajikan (Welfare State) di Kelantan sahaja?

Tuan Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana itu bukan rancangan Kerajaan Pusat, saya tidak ingin untuk menjawab bagi pihak Kerajaan APU di sana.

RANCANGAN PERUMAHAN DAN PINJAMAN

13. Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah langkah dan rancangan Kementerian untuk melaksanakan janji-janji yang terkandung dalam manifesto Barisan Nasional di dalam pilihanraya umum Oktober lalu untuk:

- (a) menambahkan Tabung Pinjaman Perumahan;
- (b) menyediakan rumah percuma untuk yang termiskin; dan
- (c) program perumahan untuk pekerja-pekerja estet.

Tuan Osu bin Haji Sukam: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahlt Yang Berhormat, di bawah Kementerian ini terdapat satu Skim Pinjaman Perumahan untuk membantu dan menggalakkan golongan berpendapatan rendah yang bukan kakitangan Kerajaan membina rumah sendiri. Skim ini diuruskan melalui satu Tabung Pusingan. Keperluan menambah peruntukan dalam tabung ini memang sentiasa dititikberatkan oleh Kerajaan mengikut keadaan keperluan semasa.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan ada memberi pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembinaan rumah awam kos rendah. Tambahan peruntukan bagi maksud ini sedang dipertimbangkan bagi Rancangan Malaysia Keenam.

Mengenai rumah percuma untuk yang termiskin, di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar, terdapat satu program yang dikenali sebagai Program Pemulihan Rumah di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin. Di bawah program ini, Kerajaan memberi bantuan kepada rakyat termiskin untuk membina semula rumah yang tidak selamat didiami. Sukacita dimaklumkan program ini akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Bagi pekerja-pekerja estet pula, Kementerian Sumber Manusia telah mewujudkan Akta (Standard-standard Minimum Perumahan dan Kemudahan) Pekerja berkuatkuasa mulai 1 Disember 1990. Dengan berkuatkuasanya undang-undang ini, Kementerian Sumber Manusta akan memastikan bahawa rumah-rumah quarters yang dibina oleh majikan untuk pekerja-pekerja estet mematuhi piawai yang tertentu bagi menjamin keselesaan pekerja-pekerjanya.

Selain daripada itu, majikan-majikan esiei digalakkan menyertai Skim Pemilikan Rumah Pekerja-pekerja di mana pihak majikan akan membina rumah-rumah kos rendah yang mampu dimiliki oleh pekerja-pekerjanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Dato' K. Kumaran.

(Soalan 14 Y.M. Dato' K. Kumaran tidak hadir)

PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA—MEMALSUKAN

15. Tuan Nasruddin bin Haji Alang Saidin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilangan orang yang ditangkap kerana memalsukan pasport antarabangsa Malaysia dan jumlah pasport antarabangsa Malaysia yang dirampas, di aniana yang ditangkap itu berapakah orang asing dan rakyat Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, jumlah orang yang ditangkap kerana meminda atau lamper, dengan izin, pasport aniarabangsa Malaysia ialah seramai 568 orang dan jumlah pasport yang dirampas ialah sebanyak 568 naskah. Antara mereka yang ditangkap adalah seperti berikut:

| WARGANEGARA | JUMLAH |
|-----------------------|-----------|
| Malaysia | 360 orang |
| Thailand | 75 |
| Republik Rakyat China | 39 |
| Indonesia | 37 |
| Sri Lanka | 32 |
| India | 10 |
| Taiwan | 5 |
| Pakistan | 4 |
| Singapura | 3 |
| Burma | 3 |
| Jumlahnya | 568 orang |

Setelah pihak Polis melakukan siasatan terhadap mereka ini dan tindakan undang-undang diambil, warganegara asing ini diusir keluar.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak beritanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, di antara bilangan orang yang ditahan itu berapa ramai yang ditahan di bawah ISA dan di antara mereka yang ditahan di bawah ISA, berapa orang yang di bawah restricted residence (RR) dan apakah tempoh masa yang panjang sekali mereka yang ditahan iaitu adakah tahanan mereka dilanjutkan untuk dua tahun lagi? Tolong berikan butir-butir mengenai mereka yang ditahan di bawah ISA.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, sepanjang yang saya tahu bahawa tidak ada

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Belum habis lagi soalan?

Tuan Lim Guan Eng: Belum habis lagi. Di antara mereka yang ditahan, adakah termasuk juga pegawai-pegawai Kerajaan iaitu pegawai Imigrasi dan berapa ramai?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Wakil dari Kota Melaka ini tersilap faham. Yang satu ialah meminda, yang satu lagi ialah mengeluarkan kad pengenalan palsu atau pasport antarabangsa palsu. Yang ditanya di sini ialah meminda pasport antarabangsa. Jadi, bagi mereka yang meminda pasport antarabangsa setelah dikesan dan disiasat, mereka hanya ditahan mengikut undang-undang dan, bukannya mengikut undang-undang ISA atau Akta ISA.

LAGU THE INTERNATIONALE

16. Tuan Wong Wing On minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada lagu "The Internationale" dan iramanya pernah diharamkan. Jika ya, sama ada Kerajaan akan membuat keputusan untuk menarik balik pengharamannya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak pernah mengharamkan lagu "The Internationale".

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Masa untuk Pertanyaan Bagi Jawab Mulut telah pun tamat.

(Jawapan bagi Pertanyaan No. 7, 9 dan 14 adalah diberi di bawah ini)

UNIVERSITI DI SABAH— MENUBUHKAN KAMPUS CAWANGAN

17. Tuan Nurnikman bin Abdullah minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah cadangan Kementerian Pendidikan untuk mengadakan kampus cawangan beberapa buah Universiti di Sabah dan Sarawak selain daripada kampus cawangan Universiti Kebangsaan Malaysia yang ada sekarang. Adakah beliau sedar bahawa permintaan untuk mendapatkan tempat di universiti-universiti tempatan di Semenanjung telah semakin bertambah dari Sabah dan Sarawak dan banyak yang ditolak walaupun mempunyai kelayakan yang cukup.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr. Leo Michael Toyad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penubuhan sesebuah Kampus Cawangan Universiti adalah berdasarkan faktor-faktor seperti perancangan makro, keperluan bidang pengajian tertentu, kesesuaian lokasi

dengan kursus dan bagi menempatkan lebih ramai pelajar tempatan yang berkelayakan. Buat masa ini, Kementerian Pendidikan tidak bercadang untuk membina Kampus Cawangan Universiti yang baru selain dahpada yang sedia ada sekarang.

Sehingga ini, Kementerian Pendidikan tidak membezakan permohonan kemasukan ke universiti-universiti tempatan mengikut negeri, dari calon-calon yang mempunyai kelulusan di peringkat STPM. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku keadaan demikian, perkara-perkara ini timbul akibat daripada persaingan antara calon-calon yang mempunyai kelayakan yang tinggi, syarat-syarat khas fakulti dan bilangan lempat untuk mengikuti kursus yang ditetapkan dari setahun ke setahun.

BANK PERTANIAN— CAWANGAN DI SANDAKAN

9. Tuan Michael Asang minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk membuka Cawangan Bank Pertanian di Daerah Sandakan, jika ada cadangan bila dan jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar): Bank Pertanian Malaysia memang bercadang untuk membuka Cawangannya di Daerah Sandakan, Sabah bagi memenuhi keperluan dan permintaan sektor pertanian di kawasan berkenaan. Pada masa ini, Bank Pertanian sedang berusaha mencari tempat dan bangunan yang sesuai untuk dijadikan cawangan. Insya Allah, dengan penubuhan Cawangan baru ini penduduk-penduduk di kawasan berkenaan tidak lagi perlu mengunjungi Cawangan Bank Pertanian di Kota Kinabalu untuk berurusan apabila Cawangan di Sandakan yang dijangka akan dibuka pada tahun ini beroperasi.

PENDATANG HARAM VIETNAM DAN KAMPUCHEA

14. Dato' K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) pelarian Vietnam dan Kampuchea yang masuk dan keluar negara ini semenjak tahun 1989;
- (b) jumlah pelarian Vietnam dan Kampuchea yang masih berada di Malaysia serta tempatnya;
- (c) kejayaan program penghantaran balik secara sukarela pelarian-pelarian ini; dan
- (d) langkah-langkah Kerajaan menghalang kemasukan pelarian-pelarian ini serta kedudukan rancangan menutup tempat-tempat pelarian ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Bilangan Pendatang Haram Yietnam dan Kampuchea yang masuk ke negara ini semenjak tahun 1989 ialah seramai 18,005 orang. Jumlah yang dihantar keluar semenjak tahun 1989 ialah seramai 18,347 orang.
- (b) Jumlah Pendatang Haram Yietnam dan Kampuchea yang berada di Malaysia pada 31.12.1990 ialah seramai 14,756 orang.

Mereka ditempatkan di kem-kem seperti berikut:

- (i) Kem Sg. Besi, Kuala Lumpur 2,480
 - (ii) Kem Pulau Bidong, Terengganu 12,000
 - (iii) Kem Keluli, Terengganu 253
 - (iv) Penjara Kota Bharu 3.
- (c) Semenjak tahun 1980 hingga sekarang hanya seramai 328 orang pendatang haram telah dihantar balik ke negara asal secara sukarela. Dari bilangan ini

seramai 295 orang telah dihantar balik dalam tahun 1990.

- (d) Kerajaan tidak dapat menghalang pendatang-pendatang haram Vietnam dari meniarat di pantai Malaysia kerana Malaysia terus mematuhi Perjanjian dan Perseetujuan Geneva yang menjadikan negara ini sebagai 'staging post' kepada pendatang-pendatang haram itu sebelum mereka ditempatkan di negara-negara ketiga.

Di samping itu, Malaysia masih lagi menghormati prinsip-prinsip kemanusiaan sejagat di mana baniuhan masih diberikan kepada pendatang-pendatang haram yang terpaksa mendarat dalam keadaan kecemasan sama ada disebabkan oleh kerosakan injin, bot bocor ataupun bot-bot mereka terlalu uzur untuk meneruskan pelayaran.

Oleh kerana itu, pada masa ini Kerajaan tidak dapat menutup kesemua tempat-tempat penempatan sementara bagi pendatang haram berkenaan di negara ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa berusaha melalui saluran-saluran diplomatik supaya masalah ini dapat diatasi dengan segera.

Setiausaha: Rang Undang-undang untuk Bacaan Kali Yang Pertama, Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bcrianya sahaja sebagai penjelasan, sama ada soalan-soalan akan dipusing balik kerana Ahli-ahli yang tidak hadir supaya soalan mereka akan dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang tidak hadir itu, kalau sekarang ini hadir, apa salahnya, tetapi nampaknya ada ramai yang tetap tidak hadir.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, tetapi sama ada soalan mereka masih boleh dijawab kerana semua soalan sudah habis. Itu mengikut Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, merujuk kepada soalan yang telah dibangkitkan, katakanlah ada soalan tambahan yang hendak dibangkitkan sekarang ini, begitu?

Tuan Lim Guan Eng: Bukan, bukan, soalan asal di mana Ahli-ahli yang tidak hadir, sekarang hadir....

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Kalau ada orang yang mewakili beliau membangkitkan soalan yang berkenaan, itu boleh dibenarkan, tetapi nampaknya tidak ada.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi sekarang kalau ada Ahli-ahli

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Itulah sebabnya saya membuat keputusan menamatkan sesi Pertanyaan bagi Jawab Mulut tadi.

Tuan Lim Guan Eng: Tetapi, Tuan Yang di-Pertua pun boleh kalau mahu untuk membenarkan soalan-soalan itu dijawab, itu terpulung kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi mesti ada Ahli Yang Berhormat yang membangkitkan soalan yang berkenaan terlebih dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: Itu terpulung kepada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, teruskan Setiausaha.

Setiausaha: Rang Undang-undang untuk Bacaan Kali Yang Pertama, Yang Berhormat Menteri Kewangan.

**RANG UNDANG-UNDANG
DIBAWA KE DALAM
MESYUARAT**

**RANG UNDANG-UNDANG
KUMPULAN WANG
SIMPANAN PEKERJA**

Bacaan Kali Yang Pertama

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda dan memperbuat semula undang-undang berhubung dengan Kumpulan Wang Simpanan bagi orang-orang yang bekerja dalam pekerjaan-pekerjaan tertentu dan bagi pekerja-pekerja yang bersampingan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN 1991**

DAN

**ANGGARAN PEMBANGUNAN
1991**

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1991 dan Anggaran Pembangunan, 1991 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." (*Hari Kelapan*)"

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *memperkerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B.25 (Jadual)—

Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan 1991)—

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan menyambung jawapan beliau.

3.16ptg.

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Pengerusi, saya telah memberikan penjelasan berhubung dengan perumahan Anggota Tentera, perolehan kapal selam dan pemntukan emolumen pada sidang Dewan yang mulia ini pada hari Juraaat yang lalu. Izinkan saya meneruskan jawapan trhadap perkara-perkara yang lain yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat dari Marang, Kepong, Larut dan Seputeh telah membangkitkan soal pembelian kapal terbang oleh TUDM ataupun oleh Kementerian Pertahanan.

Tuan Pengerusi, Kerajaan pada mulanya merancang untuk membeli kapal terbang Tornado di bawah Projek M.O.U. daripada United Kingdom. Walau bagaimanapun, setelah meneliti keupayaan negara dan keperluan TUDM, Kerajaan telah memutuskan untuk membeli 28 pesawat Hawk lengkap dengan alat ganti, peralatan lambahan, latihan dan perkhidmatan teknikal. Keseluruhannya berharga £402.8 juta. Walau bagaimanapun sebagai sebuah Angkatan Tentera yang berkembang, pembelian pesawat Hawk ini tidaklah bererti yang keperluan TUDM telah dipenuhi sepenuhnya. Pihak Kerajaan sentiasa mengkaji dan menilai pesawat-pesawat yang lain seperti F.16, F.18A, Mirage 2000 dan lain-lain pesawat dan akan menimbangkan pembeliannya jika diperlukan dan termampu oleh negara.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri telah membangkitkan tentang pemerhatian Audit terhadap kedudukan stor alat ganti TUDM yang telah bergerak dan ketidakupayaan TUDM memenuhi keperluan A.O.G.

Tuan Pengerusi, pembelian alat ganti telah dibuat oleh TUDM dengan meramalkan alat-alat ganti yang

diperlukan. Di dalam sesuatu kerja diperbaiki sama ada yang dirancang atau yang bukan dirancang, A.O.G. biasanya berlaku bagi keperluan pertama kali.

Berhubung dengan alat ganti yang tidak digunakan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, adalah dimaklumkan bahawa ia telah dibeli berdasarkan keperluan penyimpanan alat ganti semasa dan tahap penyimpanan alat-alat ganti itu telah diperbetulkan dari masa ke semasa. Bagi perolehan-perolehan sekarang Kerajaan telah mensyaratkan di dalam kontrak supaya pihak syarikat membeli balik alat ganti yang tidak digunakan selepas sesuatu jangka waktu.

Yang Berhormat dari Nilam Puri juga menyentuh pembayaran sebanyak \$5.3 juta kepada AIROD bagi pembelian alat ganti untuk kerja-kerja pembaikan pesawat TUDM. Untuk makluman, ini adalah amalan bukan sahaja di dalam industri pembaikan ataupun penyelenggaraan kapal terbang, malahan di dalam industri pembaikan dan penyelenggaraan kapal dan juga kenderaan di mana Depoh atau Limbungan atau Worksyop membeli alat ganti yang diperlukan oleh satu kapal terbang, kapal atau kenderaan yang diperbaiki dan untuk itu Depoh, Limbungan atau Worksyop akan mengenakan bayaran perkhidmatan. Syarat-syarat kontrak yang digunakan oleh Kerajaan mencatitkan mana-mana syarikat yang gagal melaksanakan obligasi di dalam tempoh yang ditetapkan akan dikenakan denda atas sebarang kelewatan dan AIROD telah dikenakan denda atas kelewatan di dalam memperbaiki komponen-komponen seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu.

Berhubung dengan kedudukan AIROD sebagai pusat penyelenggaraan Skyhawk, sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong,

syarat-syarat pembelian Skyhawk menetapkan peraturan pemindahan teknologi kepada syarikat yang ditetapkan oleh Kerajaan. AIROD adalah satu daripada bakal penerimaan teknologi yang telah dinamakan oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, adalah terlalu awal untuk menyatakan sama ada AIROD akan menjadi pusat penyelenggaraan Skyhawk untuk rantau ini. Ianya bergantung kepada kajian kemungkinan dan setakat mana industri tersebut boleh berdaya maju.

Yang Berhormat dari Nilam Puri juga membangkitkan berkenaan dengan Kor Agama supaya diperkuatkan lagi agar anggota tentera dapat menikmati pelajaran agama.

Di sini ingin saya memaklumkan bahawa Kementerian Pertahanan sentiasa mengambil perhatian terhadap Kor Agama ini dan kekuatannya sentiasa dikaji, seperti juga yang saya telah jawab semasa Soal Jawab tadi, ketika menjawab soalan Ahli dari Marang.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Seputeh menyentuh soal penjualan 35 buah pesawat Skyhawk dan saya telah menjawab perkara ini pada 14-1-1991 sewaktu Soal Jawab. Jadi saya tidak ingin menambah apa-apa lagi kepada jawapan yang telah saya jelaskan kepada Dewan ini.

Ahli dari Seputeh juga membangkitkan soal panggilan "Tuan" dalam Angkatan Tentera dan beliau telah panjang lebar menyatakan bahawa panggilan ini akan mewujudkan diskriminasi di dalam Angkatan Tentera antara pegawai-pegawai bawahan dan juga pegawai-pegawai tertinggi.

Tuan Pengerusi, saya ingin jelaskan, perkara ini sangat remeh-temeh dibangkitkan dalam Dewan ini kerana panggilan Tuan ini adalah panggilan biasa, bukan merupakan satu warisan daripada penjajah. Sehingga hari ini kita

menggunakan perkataan "Tuan" dengan meluas sekali. Kita panggil Tuan Guru kepada guru agama kita, kita panggil Tuan Khadi, Tuan juga, malahan Ahli Yang Berhormat pun dipanggil Tuan dalam Dewan ini dan tidak mewujudkan satu diskriminasi antara kita dengan rakyat, sebagai misalannya. Perkara ini tidak usahlah panjang-lebar kita bangkikan dan sangat remeh-temeh dan tidak langsung menjejaskan kedudukan Angkatan Tentera kita. Panggilan Tuan lebih merupakan perkara amalan biasa dan dianya tidak menjejaskan prestasi anggota tentera kita.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Kepong membangkitkan mengapa Syarikat Malaysia Explosive Sdn. Bhd. (SME) tidak memberi sumbangan kepada hasil negara ataupun membayar dividen kepada Kerajaan sebagai pemegang saham utama.

Tuan Pengerusi, SME telah mengalami kerugian daripada tahun 1985-1988 dan mula mendapat keuntungan tersebut pada tahun 1989 dan 1990. Lembaga Pengarahnya telah memutuskan untuk tidak mengisytiharkan dividen kerana keuntungan tersebut telah dilaburkan semula untuk projek pembuatan senjata kecil dan juga projek peningkatan keupayaan kilang pengeluaran peluru SME.

Berkenaandengan kehilangan senjata kecil M16 dan pistol, saya memaklumkan kepada Dewan bahawa jumlah kehilangan M16 ialah 6 laras dan pistol 4 pucuk dan telah ditemui senjata M16 ini satu laras dan pistol juga satu pucuk dan tidak ada lain daripada itu kehilangan senjata kecil ini daripada Angkatan Tentera kita. Pihak Polis sedang menjalankan penyiasatan tentang perkara ini dan segala langkah keselamatan telah diambil oleh Angkatan Tentera bagi memperketatkan lagi kawalan di semua kem tentera supaya perkara ini tidak lagi akan berlaku.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan pembinaan pengkalan TLDM di kawasan Sabah/Sarawak, sukacita dimaklumkan kepada Dewan ini bahawa pihak Kerajaan belum membuat keputusan muktamad beberapa tempat di Sabah dan Labuan untuk dipertimbangkan dan oleh itu kita tidak lagi mempunyai satu keputusan pasti dan muktamad tentang di mana kita akan membina pengkalan itu.

Ahli dari Jelevu yang juga merupakan bekas perajurit, membangkitkan beberapa perkara yang saya suka mengucapkan terima kasih kepada perhatian Yang Berhormat dari Jelevu kepada Kementerian Pertahanan dan ATM. Menyentuh berkenaan dengan gaji dan lain-lain kemudahan, Kerajaan serta Kementerian memang sedar atas jasa yang telah dibuat oleh anggota-anggota tentera kepada negara dan bangsa kita. Oleh itu tentang gaji, lain-lain kemudahan, perumahan, elau dan sebagainya akan dikaji dari masa ke semasa selaras dengan kajian semula ke atas gaji kakitangan awam dan Kerajaan sentiasa dari masa ke semasa menimbangkan langkah-langkah yang perlu diambil bagi menjamin kebajikan anggota-anggota tentera yang kurang upaya dan mengalami kecacatan dalam perkhidmatan. Pendek kata, perkara ini adalah satu perkara yang diberikan keutamaan oleh Kementerian Pertahanan untuk memperkemas lagi kedudukan Angkatan Tentera kita.

Berkenaan dengan Dasar Pertahanan Negara seperti yang dibangkitkan oleh Ahli dari Jelevu, kita mempunyai Dasar Pertahanan Negara pada masa ini. Walau bagaimanapun, dasar ini sentiasa dikaji oleh Kementerian dan Kerajaan dari masa ke semasa untuk memperkemas lagi dasar ini untuk mencapai matlamat sebenar ATM. Oleh itu kajian akan dijalankan dari masa ke semasa untuk mewujudkan satu Dasar Pertahanan Negara yang kemas, yang sesuai bertepatan dengan matlamat negara kita.

Tuan Pengerusi, itu sahajalah perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan Kementerian Pertahanan, dan saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$2,500,224,000 untuk Maksud B.25 di bawah Kementerian Perlahanan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$2,500,224,000 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$1,300,877,000 yang disebutkan dalam Maksud P.25 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1991 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,300,877,000 untuk Maksud P.25 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1991.

Maksud B.26 dan B.27 (Jadual)—

Maksud P.26 dan P.27 (Anggaran Pembangunan 1991)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala B.26 dan B.27 serta Kepala P.26 dan P.27 di bawah Kementerian Pendidikan terbuka untuk dibahas sekarang. Kepong.

3.27 ptg.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, berapa minit?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sama juga.

Dr Tan Seng Giaw: 10 minit?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): 10 minit juga seperti mana yang ditetapkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak minta lebih masa sedikit kerana saya ada banyak butiran yang hendak saya sentuh dan itu adalah yang penting bclaka dan kalau Tuan Pengerusi boleh rncngi/inkan setengah jam sekurang-kurangnya

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak, Yang Berhormat. Keputusan telahpun dimuktamadkan. Sila teruskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, ini adalah satu masa yang sangat terhad, tambahan pula, tadi kita ada masa soalan

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu bukan alasan dan sebab musababnya. Sila rujuk kepada Kepala yang hendak dibangkitkan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, P.26—Kementerian Pendidikan. Menurut penyata daripada Kementerian Kewangan, Kertas Perintah 18 Tahun 1990, mukasurat 14 di bawah perenggan 2, Sektor Sosial, sebanyak \$957 juta peruntukan pembangunan adalah bagi pendidikan latihan iaitu untuk menyiapkan projek-projek sambungan Rancangan Malaysia Kelima, tetapi jika ditinjau pula Belanjawan Persekuluan 1991, mukasurat 133, jumlah besar Anggaran Perbelanjaan Pembangunan hanya sebanyak \$543.31 juta. Di manakah peruntukan selebihnya \$413.685 juta itu?

Inilah menunjukkan memorandum dan Kertas Perintah yang tidak lengkap yang menunjukkan ketidakterangan mengenai peruntukan perbelanjaan.

Tuan Pengerusi, adakah Kementerian Pendidikan akan menerima \$17,320 juta seperti mana dilaporkan ianya memerlukan bagi pelaksanaan 8,538 projek di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan 1,192 projek sambungan di bawah Rancangan Malaysia Kelima? Bolehkah Kementerian mengumumkan laporan prestasi kewangan projek pembangunan Kementerian Pendidikan Malaysia, Rancangan Malaysia Kelima kerana kita hendak tahu apakah prestasi pembangunan yang telahpun diadakan untuk Kementerianya?

Butiran 00100 Pendidikan Rendah, tajuk menerima \$116,549,700 untuk 989 projek. Tuan Pengerusi, untuk tahun-tahun yang lepas \$201,774,300 bagi 10,163 bilik darjah. Tahun 1989 \$206.41 juta untuk 4,190 bilik darjah dan bagi tahun 1988 \$209 juta untuk 7,700 bilik darjah dan tahun 1987 \$129 juta untuk 5,000 bilik darjah dan bagi tahun 1986 pula \$124 juta untuk 4,200 bilik darjah.

Jelas sekali. Tuan Pengerusi, peruntukan pembangunan bagi Belanjawan ini adalah yang paling rendah dalam tempoh 6 lahun. Mengikut Penyata Kementerian Kewangan, Kertas Perintah 18 Tahun 1990, mukasurat 14 di antara projek sambungan daripada RML ialah 989 projek sekolah rendah. Bila dibandingkan dengan Belanjawan lalu Kerajaan melahirkan hasrat menyiapkan sejumlah 4,430 projek sekolah rendah. Adakah ini bermakna 3,441 projek sempat disiapkan? Apakah bilangan bilik darjah yang terlibat?

Kami juga ingin tahu laporan sepenuhnya penganalisaan keputusan UPSR tahun yang lepas yang telah, dengan izin, "withheld for official reason" pada bulan Oktober lalu. Jadi kita pun tak tahulah apakah "official reason" ini. Pengumuman yang dibuat oleh salah seorang Pegawai Kanan Pusat Perkembangan Kurikulum pada 29hb Disember lalu hanya menyebut tentang penguasaan murid-murid lemah dalam

matapelajaran Inggeris sahaja. Itupun pengumandibuatsebagai sebahagian daripada kertas kerja untuk satu seminar pendidikan berjudul *The Teaching and Learning of English in Malaysian Schools: Current Strategies and Future Consideration*, dengan izin. Kami menuntut untuk mengetahui kandungan laporan penganalisaan UPSR yang sepenuhnya. Seterusnya apakah kedudukan semasa isu cadangan masyarakat India supaya memansuhkan kelas peralihan serta penambahan bilangan masa pembelajaran Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil.

Bagi pihak kami selagi bahasa ibunda tidak terjejas, menambahkan masa untuk Bahasa Malaysia untuk mempertingkatkan penguasaan Bahasa Malaysia adalah langkah yang boleh diterima oleh pihak kami. Sebenarnya itu yang penting sekali untuk meningkatkan Bahasa Malaysianya ialah kita tambahkan guru-guru yang bermutu, guru-guru Bahasa Malaysia yang berkaliber untuk semua sekolah di negara ini. Setakat ini memang ada banyak kelemahan dan juga boleh disebutkan sebagai satu kegagalan untuk mengadakan bilangan guru Bahasa Malaysia yang bermutu tinggi.

Tuan Pengerusi, Butiran 00500 UPM, 00600 UM, 01500 UKM, USM, UTM, ITM, UIA dan UUM. Jadi kerana masa yang singkat, Tuan Pengerusi, saya tak dapat mendalami apa yang hendak saya sebutkan di sini. Walau bagaimanapun, saya hendak menarik perhatian bagi pihak Kementerian terutamanya Yang Berhormat Dato' Seri Menteri Pendidikan yang seringkali melaunglaungkan bahawa beliau adalah yang sangat menekankan, sangat menitikberatkan kecemerlangan, keunggulan akademi dan juga di dalam bidang pendidikan dan pembangunan beliau seringkali mengatakan itu hasratnya untuk mempertingkatkan kualiti dan prestasi pendidikan di institusi-institusi pengajian tinggi. Tetapi malangnya,

walaupun ini warisannya di dalam universiti-universiti, ada gejala-gejala yang buruk seperti di sini, Tuan Pengerusi, saya ada beberapa contoh di mana ada kejadian-kejadian, peristiwa-peristiwa cedokan kerana di dalam universiti memang bagi pnsyarah, bagi profesor, bagi dekan untuk memajukan, meningkatkan ataupun naik pangkat dan sebagainya mereka memang hendak buat penyelidikan dan juga mengeluarkan banyak kertas penyelidikan, tetapi ada setengah-setengahnya buat dengan cara yang betul, tetapi ada juga setitik nila yang merosakkan semua sebelanga.

Tuan Pengerusi, ada setengah-setengahnya misalnya di sini ada satu kertas yang dikeluarkan oleh R. Ravindran, Department of Electrical Engineering, dengan izin, dan juga Z. Taha, Department of Mechanical Engineering, Faculty of Engineering, University of Malaya, di sini ada satu tajuk An Automatic Focusing Visual Inspection System for Dyeing Inspection, dengan izin. Saya dapati kertas penyelidikan ini yang dikeluarkan di dalam satu majalah IEEE, bukan ditulis oleh kedua-dua orang ini tetapi oleh tiga orang yang lain, oleh Kiu Siong Long, Chan Kuan Tek dan Ng Bak Sing, sekarang sedang bekerja dengan Harris Semi Conductors Malaysia. Inilah

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, perkara yang dibangkitkan ini adakah bersangkutan dengan mana-mana Butiran yang disebutkan tadi?

Dr Tan Seng Giaw: Memang ada sangkut-paut, Tuan Pengerusi, dengan universiti....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Butiran yang ke berapa itu?

Dr Tan Seng Giaw: Butiran 00500, 00600, banyaklah, kerana saya tak sempat untuk merujuk kepada perkara

ini, Tuan Pengerusi. Saya ada banyak lagi cedokan ini yang serius seltali menunjukkan kekurangan ethic, kekurangan akhlak, kekurangan semangal untuk memajukan, untuk meningkatkan akademi dan keccmcr-langan akademi di negara ini....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tetapi rupa-rupanya Yang Berhormat capak ini capak dasar.

Dr Tan Seng Giaw: Oh, dasar apa.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Rompin bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Butiran yang begitu banyak kerana saya tidak sempat sebutkan tajuk-tajuk dan Butiran sahaja, Tuan Pengerusi. Itulah kita terpaksa memanjangkan masa perbincangan, kalau tidak, Tuan Pengerusi juga tak boleh dapat faham juga.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat diperingalkan, keputusan telahpun dibuat, jangan mengungkit-ungkitkan apa yang telah diputuskan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Rompin bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Sebenarnya saya ada banyak contoh di sini. Ada satu contoh untuk UM 00600

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Rompin bangun.

Dr Tan Seng Giaw: Tak ada masa. Kalau ada masa, saya akan layan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tak beri.

Dr Tan Seng Giaw: Cukuplah kerana kesuntukan masa, kita keluar daripada Dewan ini, kita boleh berbincang sepanjang masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu terpujalah.

Dr Haji Jamaluddin bin Haji Jarjis: Sebab apa, ini perkara akademik, tuduhan akademik, bukan perkara politik yang berkaitan dengan Kerajaan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tak berilah Yang Berhormat. Sila duduk sahajalah.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, saya hendak Yang Berhormat yang berkenaan kita belajar dahulu Peraturan Tetap. Kalau tak faham

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya beri 3 minit lagi.

Dr Tan Seng Giaw: Saya tak boleh, Tuan Pengerusi. Ada satu lagi amalan cedokan oleh Maskuri Yaakob daripada Computer Centre, University of Malaya dan juga Mohd. Ghazali Ismail, Malaysian Institute of Micro-Electronic System (MIMOS), yang menulis mengenai aspects of the desire of M.O.S. operational amplifiers, dengan izin, Tuan Pengerusi. Banyaklah, entah berapa mukasurat ini, tetapi semuanya cedokan daripada punca yang lain. Hampir ke semua perkataan itu divedokkan 100%. Saya hairan juga sebab ini Profesor dan Naib Profesor Madya dan sebagainya. Jadi, kita cedokkan perbuatan penyelidikan, prestasi dan hasil orang lain, macam mana kita boleh jadi Profesor, Dekan dan sebagainya.

Ini satu perbuatan yang sangat tidak boleh diterima oleh masyarakat yang menjunjung tinggi, yang mengharap semua orang terutamanya ahli-ahli akademik mempunyai akhlak dan ethic yang tinggi. Itulah sebab kita

berharaplah dengan laungan-laungan daripada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mewujudkan insan kamil di seluruh negara terutamanya di institusi-institusi pengajian tinggi. Itulah satu gejala yang buruk yang terpaksa diambil perhatian dan juga tindakan diambil dengan seterusnya untuk memperbaiki nama baik dan untuk memelihara mertabat universiti-universiti di negara ini.

Tuan Pengerusi, sebenarnya banyak lagi hendak dibincangkan di sini.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Cakaplah terus, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, bagi peruntukan universiti-universiti ini, pada tahun 1991, peruntukan pembangunan kepada Institusi Pendidikan Tinggi tidak termasuk tujuan penyelidikan dan pembangunan, kesemuanya dan kira-kira \$148,549,000. Walaupun pada amnya kadar pengangguran di kalangan graduan telah menurun sedikit, iaitu daripada 7.3% tahun 1989 kepada 6% menjelang akhir Mei, 1990, bilangan mereka ini yang menganggur tetap tinggi.

Tuan Pengerusi, kononnya kualiti graduan sekarang adalah sama ada mengecewakan ataupun bidang pengajian mereka tidak sesuai dengan permintaan pasaran. Berkenaan dengan kualiti graduan, saya pernah mendengar sesetengah fakulti di kalangan universiti tempatan, misalannya dalam bidang pra-perubatan, kejuruteraan melaksanakan selective upgrading of poorexamination result, Tuan Pengerusi. Sebaliknya, kami juga melihat laporan-laporan mahasiswa digugurkan daripada daftar universiti kerana gagal dalam peperiksaan mereka berturut-turut untuk 4 semester di USM. Manakala UKM pula melahirkan kebimbangan terhadap pencapaian pelajar bumiputera di pusat-pusat matrikulasi dalam kursus Sains dan Matematik, di mana dilaporkan bahawa

peratusan kegagalan pelajar antara yang tertinggi di negara iaitu 15% hingga 25% sejak beberapa tahun yang lepas.

Begitu juga pernah didakwa oleh pihak Malaysian Institute of Personnel Management, dengan izin, Tuan Pengerusi, mengenai mahasiswa yang hanya bcrminat memasuki universiti, tetapi tidak peduli langsung sama ada kursus-kursus mereka mempunyai nilai ekonomi apabila mereka lepas dari universiti. Maka jelas sekali sesuatu yang lidak kena pada sistem pendidikan tinggi negara. Scperti dalam kes USM, pihak Majlis Perwakilan Mahasiswa menyeru supaya universiti mengkaji semula kriteria bagi pengambilan masuk penuntut-pcnuntut yang lebih berkaliiber.

Di UKM, Timbalan Naib Canceledor Akademik dan Penyelidikan nampaknya lebih bimbang mengenai tidak akan dapat mengimbangkan kedudukan kaum mengikut teras Dasar Ekonomi Baru. Dan pihak MIPM mengesyorkan bahawa permintaan pasaran buruh masa akan datang memerlukan mereka yang mempunyai Ijazah Pertama, menunjukkan ciri rasional dan mempunyai kelulusan pengkhususan tambahan seperti Diploma untuk diperkembangkan selanjutnya dalam kerjayanya dengan majikan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulungkan perbahasan.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, memang mustahillah bagi saya kerana banyak perkara yang trcpaksa dibangkitkan. Cuma saya hendak menekankan di sini bahawa walaupun Yang Berhormat Menteri Pendidikan sentiasa menjerit-jeritkan hasrat cita-cita dan azam dia untuk mempertingkatkan pendidikan di negara ini, untuk mempertingkatkan kecemerlangan dan keunggulan akademik di negara ini, tetapi nampaknya banyak kelemahan yang

wujud sepertimana yang telah saya sebutkan tadi. Dan juga di sini saya hendak....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, itu sangat tidak adil, tetapi bolehkah

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, diminta tarik balik perkataan "tidak adil" yang tidak patut digunakan.

Dr Tan Seng Giaw: Kalau Tuan Pengerusi sebagai referee hendak saya tarik balik, saya tarik balik. Tetapi walau bagaimanapun, ini tetap tidak membenarkan Ahli-ahli Parlimen untuk menghujah dengan bernas, dengan membina, dengan isi yang penuh bererti. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Itu adalah tafsiran Yang Berhormat sendiri. Sib.

3.46 ptg.

Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada perkara Butiran 020000, Pendidikan Rendah dan Menengah. Pendidikan Rendah dan Menengah adalah satu persediaan bagi generasi muda kita untuk memasuki pendidikan yang tinggi dan mcngckalkan sifat demikian kepada negara kita dan memainkan peranan yang penting kepada pembangunan kebangsaan.

Saya menyokong pertambahan belanjawan daripada \$574,434,200 kepada \$3,692,674,200 bagi tahun 1991 untuk Pendidikan Rendah dan Menengah. Tetapi, Tuan Pcngerusi, saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan untuk mengambil perhatian tentang taraf yang tidak rata terutama sekali Bahasa Malaysia di

antara Sekolah Rendah Cina dan Tamil dengan sekolah rendah aliran Bahasa Malaysia atau nasional. Langkah-langkah haruslah diambil untuk meningkatkan lagi taraf Bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Cina dan Tamil, tetapi jangan mengurangkan taraf bahasa Cina dan Tamil.

Mengenai dasar yang tidak membenarkan pelajar 6A untuk memasuki Tingkatan Satu

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap, itu cakup dasar.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Ya, tetapi ini saya mahu nyatakan kerana di dalam negara yang membangun, pelajar yang cerdik dan pandai hendaklah diberi seberapa banyak kemudahan untuk menambahkan pelajaran mereka dalam masa yang singkat seperti yang diperlukan. Kerana itu saya fikir pengecualian yang terdahulu untuk pelajar 6A haruslah diteruskan jika statistik menunjuk pencapaian di sekolah menengah mereka agak cemerlang.

Sebarang peraturan yang baru bagi pengecualian dasar tersebut haruslah diberitahu kepada semua pelajar pada awal tahun

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ini kali kedua saya memperingatkan bahawa cakup dasar ini tidak boleh diizinkan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 030000 mengenai Pendidikan Teknik dan Vokasional. Saya merasakan bahawa kenaikan anggaran pendidikan teknikal dan vokasional bagi tahun 1991 bertambah \$57,532,300 ke \$179,847,900 tidak mencukupi kerana pertambahan untuk mengambil pelajar ke institusi pendidikan teknikal dan vokasional hanya naik daripada 100 dan 1,255 orang

pelajar kepada 7,000 dan 24,515 orang pelajar dalam tahun 1991 masing-masing.

Perkembangan ekonomi Malaysia terutama sekali perusahaan pengilangan bagi 5 tahun yang akan datang memerlukan lebih banyak pekerja yang mahir dan dengan itu pendidikan teknikal dan vokasional akan lebih penting untuk pembangunan negara menjelang tahun-tahun 2000.

Di Sarawak kami amat memerlukan Maktab Teknikal dan Vokasional terutama sekali dalam industri pertanian dan perkayuan.

Tuan Pengerusi, ketiga saya ingin merujuk Butiran 050000 mengenai Perancangan, Penyelidikan dan Penilaian Perancangan Pendidikan. Anggaran bagi tahun 1991 sebanyak \$45,530,300 selepas kenaikan sebanyak \$4,094,200 dari tahun 1990 adalah masih rendah kerana sistem pendidikan kebangsaan kita haruslah selalu diperbaiki dan dipertingkatkan lagi bagi persediaan menghadapi masa depan terutama sekali dalam bidang industri yang maju dan berteknologi tinggi. Perdagangan antarabangsa, perpaduan kebangsaan, taraf bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Cina dan Tamil, pembangunan dan kebudayaan, akhlak dan sebagainya supaya kualiti dan peluang adalah adil kepada seluruh penduduk Malaysia dan supaya Dasar Pendidikan Kebangsaan tidak menjadi bola sepak politik bagi....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, ada dua minit lagi untuk menggulung.

Tuan Robert Lau Hoi Chew . . . bagi parti Pembangkang dan Barisan Nasional juga untuk mendakwa diri mereka sebagai wira.

Akhirnya saya ingin merujuk, Tuan Pengerusi, Butiran 060000 Pendidikan Tinggi. Saya sangat berpuas hati akan

kenaikan jumlah \$124,031,400 kepada \$862,165,100 bagi Anggaran 1991. Saya berharap Kerajaan kita akan mengambil perhatian beberapa perkara berikut:

- (a) tambah kekosongan di dalam universiti tempatan;
- (b) meningkatkan lagi kuota kemasukan bagi pemohon bukan bumiputera; dan
- (c) pengagihan yang adil bagi anggaran kepada semua institusi pengajian tinggi terutamanya sekali kepada Kolej Tunku Abdul Rahman.

Akhirnya sekali saya, Tuan Pengerusi, kerana tidak cukup masa saya berharap jumlah anggaran sebanyak \$6,251,384,850 untuk pendidikan akan mencapai tujuannya sepertimana yang telah dirancang oleh Kerajaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kota Melaka.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Tuan Pengerusi, saya hendak merujuk kepada Maksud Bekalan B.26, mukasurat 126, Pendidikan Rendah dan Menengah.

Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian untuk membolehkan sekolah-sekolah di negeri Melaka menghadapi kemarau buatan manusia yang dihadapi oleh banyak pelajar-pelajar dan guru-guru di sekolah tersebut.

Tuan Pengerusi, saya difahatni bahawa banyak guru-guru termasuk juga Guru Besar dikehendaki pergi mencari air untuk sekolah mereka dan ini sedikit sebanyak telah menjejaskan pembelajaran pelajar-pelajar di sekolah-sekolah tersebut....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, tetapi saya rasa isu cari air ataupun menimba air ini tidak kena-mengena dengan Butiran yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ada kena-mengena. 020000 iaitu Pengurusan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Apa Yang Berhormat perlu buat ialah menyentuh butiran yang disebutkan tadi dan berbahas mengenainya.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itu mengenai Pengurusan.

Tuan Pengerusi (Tuan Oog Tee Keat): Saya rasa isu air ini memang tidak ada diberi apa-apa peruntukan.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itu mengenai Pengurusan Pendidikan Rendah kerana ini menjejaskan pengajaran ke atas murid-murid kerana masa yang harus digunakan untuk mengajar mereka digunakan untuk

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, itu tidak kena.

Tuan Lim Guan Eng: Itu ada kena. Mana tidak kena.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat kalau ada butiran yang lain sila teruskan. Tetapi ini memang tidak kena.

Tuan Lim Guan Eng: Ada banyak lagi. Itu yang saya hendak tanya, Tuan Pengerusi. Dan saya harap bahawa langkah-langkah yang dikeluarkan boleh mengambil kira masa yang dikeluarkan untuk mengajar murid-murid tersebut kerana keadaan yang agak luar biasa ini.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak merujuk kepada mukasurat yang sama iaitu Program 020100 mengenai Pengurusan Pendidikan Rendah dan Menengah dan saya hendak bertanya,

Tuan Pengerusi, berkenaan kedudukan dan keputusan terakhir mengenai pelajar-pelajar SRJK yang mcmprolchi 6A yang dilarang mengikuti terus Tingkatan Satu. Apakah keputusan ke atas rayuan pelajar-pelajar 6A ini yang gagal dalam ujian Bahasa Malaysiakhas. Berapa banyakkah yang berjaya dalam rayuan tersebut dan berapa banyak yang gagal dan apakah alasan kepada mereka yang gagal. Saya harap bahawa pihak Kementerian boleh mengumumkan apakah keputusan yang telah dibuat kerana sehingga kini ibu bapa-ibu bapa masih menunggu dan adalah tidak adil kepada pelajar-pelajar tersebut untuk tidak tahu sama ada mereka akan terus kekal dalam Kelas Peralihan atau dibenarkan terus mengikuti Tingkatan Satu.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin sekali lagi meminta pihak Kementerian membenarkan pelajar-pelajar 6A ini terus mengikuti Tingkatan Satu. Seperti mana yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa Akta Pendidikan, Akta Pelajaran 1961 tidak membenarkan pelajar-pelajar dari SRJK yang memperolehi 6A ini terus mengikuti Tingkatan Satu kerana mereka dikehendaki belajar satu tahun di Tingkatan Peralihan, tetapi penjelasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah tidak boleh diterima sedangkan pada tahun 1988/1989 dan juga tahun ini pelajar-pelajar SRJK yang mcmprolchi 6A dibenarkan masuk terus ke Tingkatan Satu. Dan saya percaya Yang Berhormat Menteri Pendidikan menggunakan kuasanya di bawah Seksyen 116 Akta Pelajaran di mana ia dibenarkan mengecualikan pelajar-pelajar SRJK yang mcmprolehi 6A dari mengikuti Kelas Peralihan.

Penjelasan yang kedua oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan bahawa prestasi murid-murid yang naik terus ke Tingkatan Satu adalah tidak baik dan penguasaan Bahasa Malaysia tidak baik, juga tidak boleh diterima kalau kita melihat, mengukur keputusan yang

dicapai oleh pelajar-pelajar tersebut dalam peperiksaan SRP.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Kebanyakan pelajar-pelajar SRJK ini yang memperolehi 6A mempunyai keputusan yang cemerlang, bukan sahaja kesemuanya lulus dalam peperiksaan mereka tetapi kebanyakan mencapai SA dan ada ramai lagi yang mendapat 8A. Dan ini secara langsung menunjukkan bahawa penguasaan Bahasa Malaysia, prestasi akademik mereka adalah lebih baik daripada pelajar-pelajar SRK. Oleh sebab itu adalah sangat tidak adil dan kejam bagi murid-murid tersebut untuk dinafikan hak mereka naik terus ke Tingkatan Satu, sedangkan pemntukan-peruntukan dalam Akta Pelajaran membenarkan mereka dinaikkan terus ke Tingkatan Satu dan saya harap sekali lagi bahawa pihak Kementerian boleh menyemak semula dan membenarkan semua pelajar-pelajar SRJK yang memperolehi 6A naik terus ke Tingkatan Satu sepcrri yang dibenarkan pada masa lampau.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak merujuk kepada peperiksaan SRP untuk KBSM yang baru yang akan diadakan pada akhir tahun ini. Saya difahami bahawa perkara kemahiran hidup iaitu satu perkara baru untuk peperiksaan SRP akhir tahun ini tidak dibenarkan diambil oleh pelajar-pelajar sekolah swasta dan pelajar-pelajar sekolah persendirian. Saya hendak tahu apakah sebabnya murid-murid sekolah persendirian dan sekolah swasta tidak dibenarkan mengambil perkara Kemahiran Hidup. Penafian kebenaran ini akan membawa kesan yang tidak baik kerana untuk peperiksaan SPM/KBSM dua tahun akan datang perkara ini terus akan ditawarkan dan kalau mereka tidak dibenarkan mengambil perkara Kemahiran Hidup untuk SRP, jelasnya bahawa mereka tidak akan dibenarkan untuk mengambil perkara yang sama untuk SPM dan ini adalah

sangat tidak adil kerana mereka dinatkan sekali lagi peluang untuk mendapat gred dan keputusan yang baik dalam SPM.

Oleh itu, saya harap pihak Kementerian bolehlah membenarkan murid-murid mengambil perkara ini dan janganlah berdiskriminasi ke atas pelajar-pelajar sekolah swasta, terutamanya pelajar-pelajar sekolah persendirian atau sekolah-sekolah menengah bebas berbahasa Cina.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya mengenai USM. Mengapakah perkara bahasa Mandahn dan bahasa Tamil tidak dibenarkan untuk diambilkira dalam permohonan untuk USM. Jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan adalah tidak munasabah kerana jelasnya beliau tidak faham kedudukan yang sebenar permohonan untuk memohon memasuki USM. Bahasa-bahasa lain seperi bahasa Inggeris, English Literature, bahasa Arab dan bahasa Arab Klasik dibenarkan tetapi bahasa Mandarin dan bahasa Tamil tidak diterima. Mengapakah status kedua-dua bahasa ini telah jatuh lebih teruk daripada bahasa Inggeris, English Literature, bahasa Arab, bahasa Arab Klasik? Mengapa bahasa bahasa Arab, bahasa Arab Klasik atau bahasa Inggeris boleh diterima sedangkan kedua-dua bahasa ini tidak diterima? Ini adalah syarat umum untuk masuk ke dalam USM dan saya harap pihak Kementerian boleh buat satu jawapan yang munasabah. Saya tidak mahu dengai lagi jawapan pihak MCA, pihak Gerakan yang hanya tahu bersandiwara dan bermain wayang kulit sahaja, tidak berani berjuang dan meminta satu penjelasan yang baik untuk dasar-dasar ini yang sangat tidak adil dan berdiskriminasi ke atas pelajar-pelajar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Batang Lupar.

4.05 *ptg.*

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Batang Lupar): Tuan Pengerusi, saya tidak mahu berucap panjang lebar tetapi saya hendak mengajukan beberapa persoalan kepada Kementerian. Merujuk Maksud Bekalan B.26 Kementerian Pendidikan mukasurat 127, Butiran 030000—Pendidikan Teknik dan Yokasional.

Saya bersetuju dengan pendapat yang telah dikeluarkan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Sibu mengatakan penekanan mestilah diberi kepada pendidikan teknik dan teknikal untuk memajukan negara ini ke peringkat yang lebih matang lagi. Dengan itu peruntukan-peruntukan yang ada di sini yang mana telah dibacakan oleh beliau tadi, mungkin tidak mencukupi. Dan tak payahlah saya berucap segi dasar dan biarlah saya menyentuh satu perkara sahaja. Di samping menyatakan ketidakcukupan itu, saya ingin menyatakan terima kasih atas penubuhan politeknik di Kuching yang telah siap pembinaannya pada 1988 dan mula menjalankan pengajiannya pada 1989. Tetapi apa yang telah tidak dijalankan ialah jurusan-jurusan tertentu yang ada kena mengena dengan kemajuan negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya menyebut Sarawak bukanlah mempunyai perasaan kedaerahan sangat—tidak. Tujuan saya ialah membangkitkan perasaan Sarawak ialah oleh kerana dengan adanya keseimbangan akan hilanglah perasaan kedaerahan itu nanti.

Politeknik di Kuching telah mengadakan beberapa jurusan pengajian tetapi yang ganjil sekali jurusan, dengan izin, petroleum engineering, wood technology, marine engineering, yang mana sumber-sumbernya telah banyak didapati di Sarawak telah tidak diada-

kan. Dari itu, saya menggesa pihak Kementerian untuk mengadakan jurusan jurusan yang telah saya sebutkan tadi selaras dengan pembangunan negara ini terutamanya dan khasnya negeri Sarawak.

Yang mana petroleum adalah satu sumber yang banyak didapati di negeri Sarawak dan hutannya masih banyak boleh diambil dan digunakan dan Sarawak mempunyai coastline yang terpanjang sekali di negara ini. Dari itu, saya sekali lagi menyebutkan tidak ada sebab sekalipun mengapa jurusan-jurusan ini tidak boleh diadakan di politeknik tersebut,

Tuan Pengerusi, oleh kerana masa hanya 10 minit, tidak payahlah saya bercerita panjang lebar hal politeknik, cuma saya minta yang satu itu sahaja. Biarlah saya berpindah kepada mukasurat 128, Butiran OS0000—Perancangan, Penyelidikan dan Penilaian Rancangan Pendidikan. Inipun saya telah bangkitkan beberapa hari yang lalu, tetapi malangnya saya telah dishot down, dengan izin, kerana tidak kena-mengena dengan soalan yang dibangkitkan, iaitu berkenaan buku teks. Di Sarawak telah mengalami kekurangan buku teks tahun demi tahun, tetapi pada tahun ini, alhamdulillah, saya berpeluang membawa ke Dewan ini. Mengatakan buku teks adalah satu masalah juga di negeri Sarawak. Dan di sini saya menerima dua fax saya boleh bacalah sekarang, tidak ada yang kata 'tidak boleh' lagi. "Another of the book not available in Kuching, the book that the school has to photocopy to give to the students". Tidak boleh buat photocopy, tetapi apa hendak dibuat kerana mereka hendak belajar. Jadi terpaksa buku ini di photostate untuk diberi kepada budak-budak di sekolah.

Satu lagi buku Pelajaran Bahasa Malaysia Tahun 1, yang saya bacakan tadi buku Matematik Tahun 1. "This is the BM book that is not available in Kuching". Ini juga buku yang sama,

tetapi tidak ada mengatakan bahawa akan diphotocopy untuk diberi kepada budak-budak. Ini telah menggambarkan apa yang telah berlaku di Kuching, tetapi tidak payahlah kita menggambarkan apa yang mungkin berlaku di kawasan luar bandar dan di kampung-kampung kecil, mungkin tidak ada langsung buku ini.

Tuan Pengerusi, saya menggesalah pihak Kementerian Pendidikan, kalau mengambil kontraktor-kontraktor untuk menyediakan buku-buku tersebut, biarlah penyediaan itu mencukupi dan tidak menjejaskan prestasi dan pelajaran budak-budak di sekolah. Itu pun tidak payah saya bercerita dengan panjang lebar, biarlah saya berpindah ke tempat yang lain lagi, kerana kita semua tahu kalau kurangnya buku tidak dapatlah kita hendak belajar. Kalau belajar pun secara random sahaja, tidak tahu apa yang hendak diajar. Guru sendiri tidak ada buku, inikan pula budak-budak yang hendak belajar.

Oleh kerana masa dihadkan hanya 10 minit dan saya tidak tahu berapa minitkah saya telah bercakap, saya berpindah ke mukasurat 131—Universiti Pertanian Malaysia. Soal Universiti Pertanian ini, orang di Sarawak memang sudah lama meminta Kerajaan Pusat mengadakan universiti penuh di Sarawak, tetapi apa yang diadakan ialah Kampus Universiti Pertanian di Bintulu dan kampus ini sebagaimana yang kita tahu hanya concentrate hal-hal pertanian. Jadi, ini belumlah memuaskan citarasa dan kehendak rakyat Malaysia di Sarawak. Mungkin orang Sarawak dianggap penyabar, baik hati, bilameminta sedikit diberi sedikit dan berpuas hati. Tetapi bagi pihak orang Sarawak, ingin saya menyebutkan disini, janganlah dianggap orang Sarawak sebagai budak-budak dan janganlah tindakan kita hari ini boleh ditakrifkan sebagai satu carbon copy, dengan izin, rancangan British pada zaman penjajah seperti yang diimbangkan oleh Ahli Yang Berhormat

dari Muar dahulu. Jadi, tindak-tanduk kita sekarang boleh ditakrifkan baik dan buruknya pada masa yang akan datang.

Kami di Sarawak juga ingin universiti penuh diadakan. kerana tidak ada sebab kenapa universiti penuh tidak dibuatkan di Sarawak, kami pun boleh menyatakan kenapa tidak boleh dibuat di Sarawak.

Ada juga yang mengatakan di Sarawak tidak boleh mengadakan daya tenaga dan orang yang berkelayakan dan yang mempunyai kemahiran untuk mengajar di universiti. Ini juga didapati tidak benar, kerana kita tahu ramai, banyak bijak pandai dari Sarawak mengajar di kolej dan universiti di luar negeri, kerana mereka tidak ada lempat mengajar di Sarawak.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila gulung.

Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Mana ada masa hendak gulung. Dari itu, saya ingin mencadangkan dan meminta Kementerian supaya menubuhkan universiti penuh di Sarawak dan janganlah diberi dalih ataupun alasan yang mungkin tidak dapat diterima kerana tiap-tiap alasan itu kalau boleh diterima senanglah hati, kalau tidak boleh diterima timbullah satu masalah pemikiran yang tidak memuaskan.

Mukasurat 132 iaitu di bawah Butiran (Projek) 02100—Institut Teknologi MARA, Kampus di Sarawak. Setelah pengajian selama beberapa tahun, saya telah dimaklumkan bahawa tidak semua pengajian dihabiskan di Sarawak; sebahagian pengajian itu dihabiskan di Semenanjung. Jadi, saya ingin bertanya dengan Kementerian mengapakah perkara ini boleh berlaku dan kenapakah tidak boleh pengajian ini dihabiskan sahaja di Sarawak?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Padang Terap.

4.16 *ptg.*

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar (Padang Terap): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada mukasurat 131, di bawah Kementerian Pendidikan, Perbekalan B.26—Butiran 00600, iaitu Universiti Malaya.

Tuan Pengerusi, pada masa ini kita semua tahu bahawa Naib-Cancelor Universiti Malaya akan diberhentikan dan akan digantikan dengan orang yang baru. Saya ingin tahu apakah neraca-neraca yang digunakan oleh Kementerian untuk memilih Naib-Cancelor yang baru kerana pemilihan Naib-Cancelor yang baru adalah penting memandangkan bahawa Universiti Malaysia adalah satu Institusi Pengajian Tinggi yang paling masyhur ataupun yang paling ulung di negara kita ini. Universiti-universiti yang lain saya tidak berapa khuatir, Tuan Pengerusi, tetapi biarlah Kementerian menjadikan Universiti Malaya sebagai sebuah universiti yang dihormati pada peringkat antarabangsa, kerana seperti yang Tuan Pengerusi sedia maklum di negara-negara maju baik di Timur, mahupun di Barat, kemasyhuran sesuatu universiti itu bukan sahaja terletak kepada kebolehan universiti itu mengeluarkan hasil-hasil penyelidikan dan pengajaran yang tinggi, malah universiti-universiti itu mempunyai Naib-Cancelor yang mempunyai reputasi yang tinggi.

Jadi, saya menyeru kepada Kementerian Pendidikan supaya apabila memilih Naib-Cancelor yang baru di Universiti Malaya nanti, satu pemilihan ataupun satu search, dengan izin, yang meluas dan mendalam untuk memastikan bahawa kita betul-betul mendapat Naib-Cancelor yang akan membawa kepada kemasyhuran universiti ini seterusnya. Saya mencadangkan di sini, Tuan Pengerusi, supaya neraca-neraca berikut digunakan.

Yang pertama, kelulusan akademik yang tinggi.

Yang kedua, calon-calon itu mestilah mempunyai pengalaman penyelidikan dan mengajar yang luas dan lama;

Yang ketiga, calon-calon itu mestilah mempunyai banyak publication yang berkualiti dan publication dari hasil penyelidikannya di publish di dalam journal-journal antarabangsa yang masyhur, bukan setakat di publish di dalam Dewan Masyarakat sahaja ataupun di dalam Majalah Dian;

Yang keempat, kebolehan mengurus dan mentadbir yang tinggi.

Yang kelima, mempunyai reputasi akademik antarabangsa dari segi misalnya di dalam apa yang ditunjuk oleh bekas Profesor DiRaja, Profesor Ungku Aziz.

Yang keenam, mempunyai kebolehan perhubungan awam yang baik.

Saya harap janganlah yang dipilih itu hanya pandai berpolitik dan membuat statement yang kontroversial kerana Yang Berhormat Menteri Pendidikan sendiri selalu menekankan pentingnya kecemerlangan.

Saya faham bahawa di negara kita mungkin tidak ada calon-calon yang boleh memuaskan segala neraca-neraca yang saya kata tadi tetapi kalau terlalu tidak ada, apakah salah kalau kita buat search ini keseluruh Tenggara Asia ataupun keseluruh dunia? Ini untuk Universiti Malaya sahaja kerana perlu kita mempertahankan Universiti Malaya sebagai satu universiti yang saya kata tadi yang mempunyai reputasi antara bangsa yang dihormati di peringkat antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya bercakap ini bukanlah untuk tujuan apa-apa kerana saya dibehtahu dan saya mendapati pada masa ini ramai tenaga-tenaga pengajar ataupun dosen-dosen di universiti ini tidak mempunyai prestasi penyelidikan dan pengajaran yang luas

dan yang tinggi mutunya dinaikkan pangkat sewenang-wenangnya ke pangkat Profesor Madya dan setemnya lepas dua, tiga tahun dinaikkan pangkat ke Profesor penuh iaitu Profesor.

Jadi, saya ingin tahulah, apakah neraca-neraca yang digunakan untuk ini kerana setengah-setengah tenaga pengajar yang sudah layak dan menunjukkan kebolehannya di bidang akademik masih lagi duduk dalam Profesor Madya dan yang tidak layak saya dapati telahpun dinaikkan ke Profesor. Janganlah minta saya sebut nama kerana saya tidak mahu mcnyebut nama di sini.

Tuan Pengerusi, mukasurat 131 juga di bawah Maksud Bekalan yang sama, Butiran 00800 di bawah tajuk Rumah Guru-Guru Luar Bandar.

Saya ada bercakap banyak kali di dalam hal ini dan saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada Kcmnterian yang telah menjalankan program ini dengan jayanya dan saya minta supaya Kementerian tegas. Kalau dahulu masalahnya tidak ada rumah yang cukup untuk guru-guru tinggal di luar bandar, mereka terpaksa berulang-alik berpuluh-puluh batu tetapi sekarang ini rumah telah ada, rumah pun mempunyai standard yang baik, kemudahan yang elok. Sekali ini, saya minta Kementerian tegas, yang mana guru yang ditetapkan tinggal di luar bandar, dia mesti tinggal. Jangan ada macam-macam excuse pula seperti "Dia ada motokar sekarang dan dia hendak berulang-alik pula". Jadi, saya harap ini penting, saya harap ini diambil perhatian yang serius oleh Kementerian kerana adalah penting bagi guru-guru itu tinggal di luar bandar untuk tujuan kurikulum dan tujuan bergaul dengan masyarakat luar bandar mempunyai banyak manfaatnya.

Mukasurat 133, Butiran 03100— Lembaga Peperiksaan Malaysia. Tuan Pengerusi, saya ingin menyuarakan

rintihan ramai daripada guru-guru yang telah dipilih untuk memeriksa kertas-kertas peperiksaan di semua peringkat—pehngkat SRP, peringkat SPM dan peringkat STPM. Perkara ini telah saya bangkitkan tahun sudah tetapi tidak ada improvement dalam hal ini kerana rintihan guru-guru ini ialah mengenai kadar bayaran upahan dan mileage apabila mereka melakukan kerja ini.

Pada masa sekarang, Tuan Pengerusi, terdapat ramai guru-guru yang dipilih untuk menjadi pemeriksa kertas yang tidak mahu dan satu usaha untuk memaksa mereka dilakukan. Sebab mereka tidak mahu, Tuan Pengerusi, ialah ganjarannya tidak setimpal dengan kerja yang mereka buat. Jadi, di sini, saya cadangkan kepada Kementerian supaya dapat meneliti dan menyemak semula kadar-kadar bayaran ini kepada guru-guru yang saya sebut tadi iaitu kerja mereka adalah satu kerja yang penting untuk memeriksa kertas-kertas peperiksaan tadi.

Saya mencadangkan, Tuan Pengerusi, ditambah 50% ataupun kalau tidak mahu tambah sekali ganda pun, supaya ditambah 50% daripada kadar sekarang supaya kerja ini dibuat dengan penuh keikhlasan dan penuh tanggungjawab. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Muar.

4.25 ptg.

Tuan Abdul Malek Munip (Muar): Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada mukasurat 126 dan 129 dengan Butiran 010000, 010900, 020000, 250000, 270000 dan izinkan saya membuat kupasan secara keseluruhan atau sekali gus kerana terdapat kaitan yang amat rapat di antara satu sama lain dan saya mulakan dengan sedikit introduction.

Apabila kita melihat secara keseluruhannya, ternyatalah bahawa Kementerian Pendidikan merupakan

satu-satunya Kementerian yang paling luas dan complex dan barangkali amat munasabah mendapat peruntukan yang secara relatif sangat besar sekali. Saya mengucapkan lahniah dan penghargaan jujur kepada Kerajaan Barisan yang tahun demi tahun demi sikap tanggungjawabnya kepada rakyat, terus-menerus melihat investment dalam sumber manusia iaitu manusia yang menjadi jenerasi pewaris kepada kita sekarang sebagai satu-satunya investment yang paling diutamakan. Kita tidak boleh menafikan bahawa dalam sejarah kita selepas merdeka ini, Kementerian Pelajaran yang kini dirujuk sebagai Kementerian Pendidikan merupakan satu-satunya agensi Kerajaan yang dtanggap paling berkesan, paling menyeluruh dan paling efektif membawa perubahan ke arah kemajuan masyarakat yang saksama dan seimbang iaitu seimbang antara satu sama kaum dengan satu kaum yang lain, seimbang antara masyarakat bandar dan masyarakat luar bandar dan seimbang antara golongan yang berada dan golongan yang miskin. Jadi, satu-satunya kejayaan utama yang dapat kita nikmati ialah kejayaan memecahkan warisan monopoli golongan-golongan tertentu ataupun kaum-kaum tertentu ke atas masyarakat yang terpelajar dan mahir.

Masyarakat kita yang terdidik dalam kepelbagaian bidang ilmu dan kemahiran tidak lagi dapat diidentifikasikan secara yang menonjol dengan mana-mana kaum ataupun menyisihkan mana-mana golongan semata-mata kesan dari latar kemiskinan dan kedaifannya. Ini adalah kesan langsung dari peluasan kemudahan pelajaran kepada kita rakyat semua, peluasan kemudahan yang berprinsip, dengan izin, accessibility to educational opportunities. Ramai daripada kita di Dewan yang mulia ini termasuk saya sendiri adalah orang-orang yang telah bernasib baik berpeluang menikmati dari Rancangan Pembangunan Pendidikan Negara yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional.

Tuan Pengerusi, semua perkembangan pendidikan ini sebenarnya dapat dilaksanakan berasaskan kepada satu Dasar Pelajaran yang diterokai oleh Allahyarham Tun Razak melalui Penyatanya yang kemudian dijadikan undang-undang melalui pengkanunannya sebagai Education Ordinance 1957, diperteguh dan diperkemas oleh Rahman Talib dan Jawatankuasanya dalam tahun 1960 hingga menghasilkan Akta 1961 dan kemudian diperakui oleh Dr Mahathir melalui kabinet Reportnya. Dalam semua perkembangan ini—ini introduction sahaja, terdapat satu asas kesinambungan cita-cita mulia atau matlamat yang amat relevant kepada masyarakat kita hingga kini iaitu meneguhkan sebuah Sistem Pendidikan Nasional secara progresif yang dilabuhkan kepada prinsip, dengan izin, to establish a national system of education which will satisfy the needs of a nation and promote its cultural, social, economic and political development. Cita-cita untuk mewujudkan dan memantapkan satu Sistem Pendidikan Kebangsaan inilah yang telah mengasaskan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat persekolahan.

Penyatuan kepelbagaian sistem pendidikan yang wujud pada zaman lampau diharap akan menjadi asas perpaduan dan asas untuk membina bangsa Malaysia kita yang teguh. Inilah inti dan matlamat jangka panjang sistem pendidikan nasional kita. Tetapi dalam sebuah masyarakat terbuka dan progresif seperti kita, perubahan-perubahan yang berlaku dan cabaran-cabaran baru yang dihadapi kadang-kadang memerlukan juga perubahan dalam strategi untuk mencapai matlamat jangka panjang itu. Dalam rangka seperti inilah, saya ingin merakamkan tahniah kepada Menteri Pendidikan kita yang membayangkan cita-cita murninya untuk membawa perubahan dalam sistem pendidikan nasional kita.

Namun demikian, sebagai seorang Wakil Rakyat yang pernah berkecimpung di universiti hampir 20 tahun dan pernah terpaksa meneliti Dasar Pendidikan Nasional kita, izinkan saya menyentuh beberapa perkara yang menimbulkan keraguan bukan sahaja kepada saya tetapi teman-teman saya dari masyarakat ilmunan di universiti. Kami sebenarnya belum begitu jelas dengan rancangan merobah sistem pendidikan itu dan hanya dapat berpandu kepada beberapa kenyataan umum diakhbar, di samping pengertian menanyakan dengan pihak-pihak tertentu yang lebih faham. Jadi di sini izinkanlah saya menyentuh perkara-perkara yang mengasaskan keraguan kami.

Pertama, satu-satunya cogan kata yang sering dilafazkan mengenai cita-cita merobah sistem pendidikan kita ialah reformasi pendidikan. Istilah reformasi itu memberi pengertian sebagai suatu usaha untuk merombak asas-asas utama dalam sistem pendidikan yang ada sekarang. Ianya boleh difahamkan bukan sahaja sebagai usaha merobah strategi tetapi juga merobah asas dan matlamat dalam Dasar Pendidikan yang ada. Ianya menimbulkan tandatanya sama ada yang dipersoalkan ialah dasar, struktur dan matlamat pendidikan yang ada atau hanya untuk menilai, memperbaiki dan memperteguhkan pelaksanaannya. Keraguan kita ini diperkuat memandangkan beberapa perubahan yang telahpun dilakukan sebelum pun Akta yang ada digantikan dengan yang baru.

Umpamanya, usaha untuk memasukkan secara rasmi pengajaran bahasa-bahasa lain dalam jadual waktu rasmi sekolah menengah yang dilengkapi pula dengan usaha merombak kurikulum maktab-maktab perguruan untuk menampung keperluan ribuan guru-guru bahasa tersebut. Implikasi jangka panjang seolah-olah menjurus kepada matlamat memperkukuhkan sistem persekolahan Jenis Kebangsaan

iaitu National Type menyaingi perkembangan Sekolah Kebangsaan atau National School. Implikasi seumpama ini akan kelihatan lebih merumitkan suasana apabila disadari sekolah-sekolah adalah institusi pendidikan dan lebih penting institusi pembudayaan, iaini institusi yang akan mencorak warnakan perkembangan ke arah pembinaan satu bangsa Malaysia yang berperibadi dan mempunyai akar di bumi Malaysia ini.

Isu kedua, yang sering disebut ialah mengenai falsafah pendidikan. Seringkali kita diperingatkan bahawa sistem pendidikan yang ada sekarang tidak mempunyai falsafahnya.

Izinkan saya di sini menanyakan bahawa pada hemat kami falsafah adalah suatu yang subjektif, luas, mendalam dan terangkum di dalamnya nilai-nilai dan matlamat hidup satu-satu masyarakat. Ianya hampir mustahil dapat diungkapkan dalam satu ayat atau bahkan dalam satu paragraph sekalipun, kerana itulah hampir mustahil kita dapat menyatakan falsafah dalam mana-mana Akta yang dikanunkan. Memahami falsafah yang mendasari satu-satu Akta perlu kepada perincian mengenai latarbelakang dan sejarah sesuatu Akta itu. hubungannya dengan dasar-dasar utama yang lain, ideologi yang mendasari kehidupan masyarakat seperti Rukunegara, agama bahkan nilai-nilai kehidupan amnya.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Abdul Malek Munip: Saya gulung. Jadi dalam rangka seperti inilah apa yang mampu dilakukan oleh sesuatu Akta ialah mengkanunkan sekadar matlamat atau objektifnya yang khusus dan didalam Akta sekarang pun matlamat sistem pendidikan ditegaskan dengan jelas dalam muka satu lagi—saya tidak payah sebut.

Tuan Pengerusi, adabeberapa perkara di sini yang saya ingin sebutkan, iaitu selain daripada ini saya potong sahaja.

Isu yang ketiga, ini yang terakhir, yang biasanya diketengahkan sebagai rationale untuk mewujudkan Akta Pendidikan baru, iaitu mengenai hal-hal yang menyentuh tentang meluaskan penggunaan Bahasa Malaysia dari peringkat Tadika ke Universiti, penguasaan terhadap sekolah-sekolah swasta, kemudahan pendidikan agama, kemudahan untuk pendidikan khas dan juga perkembangan dalam kemudahan vokasionai. Tetapi bila kita meneliti Akta yang sedia ada yang terbahagi kepada 15 Bahagian itu, ternyata skopnya sangat luas mencakup semua bidang pendidikan sama ada dari peringkat Tadika membawa ke peringkat Institusi Pengajian Tinggi sama ada yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan membawalah kepada yang berbentuk swasta sepenuhnya, dan begitu juga hanya yang menyentuh matapelajaran-matapelajaran dan cara-cara pengajarannya dan semuanya terangkum, yang ini penting, dalam kekuasaan Menteri Pendidikan iaitu sama ada kuasa eksekutifnya atau kuasa pentadbirannya.

Akta yang ada sekarang memberi kuasa yang penuh kepada Menteri untuk melaksanakan hal-hal yang disebutkan tadi seperti meluaskan penggunaan bahasa, menyelia sekolah atau kolej swasta ataupun memberi perbelanjaan untuk kemudahan pelajaran agama terutama setelah diwujudkan pindaan Akta dalam tahun 1963.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat masa sudah cukup.

Tuan Abdul Malek Munip: Akhir kata, Tuan Pengerusi ialah bahawa saya ingin mengesyorkan supaya usaha merombak Akta yang ada mestilah dilakukan dengan penuh keperihatinan, dan kita juga memohon supaya

disediakan laporan yang munasabah mengenai Akta yang ada sebagai rasional untuk mengadakan Akta yang baru. Dan barangkali ini sepatutnya disediakan oleh satu Badan Perunding DiRaja yang agak pakar dalam hal-hal seumpama ini, memandangkan bahawa masalah pendidikan dan pembinaan bangsa adalah lebih penting dalam jangka panjangnya daripada masalah pergolakan politik semasa.

Sekian sahaja saya akhiri, dan saya menyokong perbelanjaan yang dibentangkan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Rantau Panjang.

4.18 ptg.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, pertama saya ingin menyentuh Butiran 020000, iaitu bahagian Sekolah Rendah dan Sekotah Menengah atau Pendidikan Rendah dan Pendidikan Menengah.

Pertama sekali, saya ingin menyatakan bahawa saya dapat difahami bahawa di antara falsafah pendidikan yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan kita ialah untuk membentuk insan yang sempurna, jasmani, rohani secara menyeluruh dan seimbang atau dengan kata-kata lain untuk membentuk insan yang berguna untuk negara. Dari segi falsafahnya ia memang sungguh baik dan sungguh indah, tetapi kalau kita melihat kenyataan-kenyataan yang berlaku ternyata bahawa falsafah ini belum dicapai sepenuhnya sekurang-kurangnya.

Kalau kita lihat perkembangan-perkembangan yang wujud di mana muda-mudi kita yang tentunya pernah mengalami pembentukan falsafah pendidikan ini ramai yang kita lihat dilanda oleh hal-hal dan perkembangan-perkembangan negatif di dalam masyarakat. Kerana itu kita memberikan

sokongan kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan di dalam kenyataan-kenyataannya untuk mengatasi perkembangan-perkembangan negatif ini dengan ianya sering mengatakan bahawa ia tidak bertolak-ansur di dalam pelajaran agama dan moral dan juga pelajaran Bahasa Kebangsaan. Maka di dalam Majlis ini atau di peringkat Majlis ini, saya suka menyentuh Buliran 020000 dengan memberikan pandangan bahawa di dalam perkembangan pendidikan kita yang ada pada hari ini selain daripada meneruskan dan mempertingkatkan pembelajaran di dalam bahagian umiim, maka pelajaran agama dan pelajaran moral hendaklah dipertingkatkan, diperkukuhkan supaya dapat berkesan untuk membentuk jenerasi yang bercita-cita di dalam falsafah pelajaran.

Saya nampak salah satu usaha Kementerian Pendidikan bagi mencapai cita-cita ini ialah dengan mewujudkan seperti yang berjalan sekarang ini iaitu Sekolah Menengah Agama Rakyat yang terdapat hampir di menyeluruh di tiap-tiap negeri seluruh negara kita. Cuma apa yang berlaku bahawa walaupun sudah dapat dilihat dari segi kesannya, Sekolah Menengah Agama dalam membentuk masyarakat yang berilmu dan bermoral ini tetapi didapati bahawa Sekolah-sekolah Menengah Agama ini dilihat daripada sambutan rakyat, maka ia sudah merupakan sekolah yang tidak dapat menampung kehendak dan keperluan rakyat yang memerlukan pelajaran di dalam bentuk ini. Kerana itu kita lihat sebagai contoh, di dalam tahun 1989 permohonan daripada murid-murid yang cukup syarat berjumlah 28,000 tetapi yang dapat diterima dan ditampung oleh kemampuan sekolah-sekolah ini hanya 2,000 sahaja. Ini memerlukan satu penelitian dan tindakan segera dari Kementerian Pendidikan supaya menambahkan bilangan sekolah-sekolah ini dan meningkatkan kemampuan dan keupayaannya untuk menempatkan

lebih ramai lagi pelajar-pelajar yang ingin mengikuti pelajaran di dalam sistem ini.

Selain daripada menambah dan memperluaskan lagi kemampuannya juga hendaklah diberikan kemudahan-kemudahan yang lebih dengan menjadikan sebagai Sekolah-sekolah Menengah Agama yang berasrama penuh supaya sekolah ini dapat mengeluarkan hasilnya yang positif di dalam masyarakat, iaitu melahirkan rakyat yang mempunyai kemampuan-kemampuan jasmani yang lebih luas dan lebih mantap dan juga kemampuan-kemampuan rohani termasuk pandangan agama dan keagamaan yang maniap yang benar-benar dapat mengikut kehendak agama itu sendiri. Kerana mungkin hasil daripada kelemahan-kelemahan yang ada, kita lihat di dalam Dewan yang mulia ini sendiri kita dengar daripada orang yang berijazah mengeluarkan pandangan-pandangan agama yang begitu memalukan, ayat-ayat Quran diputar-belit, hadis-hadis dibaca sekerat-sekerat dan digunakan bukan pada tempatnya. Mudah-mudahan hal ini akan dapat dielakkan dengan meningkatkan pendidikan dan pelajaran agama bermula daripada Sekolah-sekolah Menengah Agama yang ada ini, insya Allah.

Perkara yang kedua yang saya ingin bangkitkan di sini ialah tentang Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat yang bertaburan di seluruh negara kita yang tentunya sekolah-sekolah ini memainkan peranan penting di dalam mewujudkan rakyat yang baik, yang bermoral dan yang berpelajaran. Tetapi ternyata sekolah-sekolah ini diabaikan, tidak diberikan satu perhatian yang baik, baik dari segi bangunan sekolah-sekolah ini mahupun dari segi pengurusannya. Kita lihat di sana sini begitu mendukacitakan sehingga kita lihat seolah-olah sekolah-sekolah jenis ini yang saya sebutkan tadi juga memainkan peranan yang begitu penting, semacam sekolah yang dibiarkan

walaupun Kementerian Pendidikan memang ada memberikan bantuan kepada sekolah-sekolah ini, tetapi jauh daripada mencukupi.

Kerana itu kita berharap kepada Kementerian Pendidikan khususnya dan kepada Kerajaan umumnya supaya memberikan perhatian kepada sekolah-sekolah jenis ini termasuk yang kita mahu sarankan di sini sehingga kepada Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang mendapat bantuan daripada rakyat seperti contohnya, Sekolah Taufikiyah di Kedah yang pernah mengalami satu peristiwa atau tragedi hitam kerana kebakaran dan rakyat seluruh negara telah menghulurkan derma bantuan, tetapi ternyata yang kita tahu sekarang ini pihak Kerajaan belum menyampaikan bantuan ini kepada sekolah tersebut atas beberapa alasan diberikan yang jelas kepada kita bahawa ini adalah semacam satu usaha melambatkan pembangunan Sekolah Agama Rakyat seperti ini. Kita harap supaya ini diatasi secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah ke Butiran 060000 iaitu Pendidikan Tinggi ataupun Institusi Pengajian Tinggi.

Di dalam negara kita yang kita sedia maklum, buat masa ini hanya ada 5 politeknik, 25 maktab perguruan, 2 kolej dan 7 buah universiti, yang kita lihat bahawa ini sudah tentu tidak dapat menampung pelajar-pelajar di peringkat menengah yang tidak kurang bilangannya satu setengah juga bual masa ini. Kerana itu kita menyarankan kepada Kementerian Pendidikan supaya membanyakkan lagi tempat-tempat pengajian tinggi dan yang ada diperbesar kemampuan dan keupayaannya supaya dapat menerima dan menampung sebanyak mungkin pelajar-pelajar yang kita lihat hasilnya, insya Allah, akan mengurangkan pelajar-pelajar yang tidak dapat menyambung pelajarannya selepas menengah dan juga mungkin kita akan

dapat menampung pelajar-pelajar yang terpaksa melanjutkan pelajaran ke luar negeri yang menimbulkan akibat ketidaksragaman pemikiran dan budaya di dalam masyarakat kita.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: Sedikit lagi, saya hendak buat ulasan sedikit?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sudah lebih seminit. Lebih daripada 10 minit.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: Saya minta penggulungan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kita telah buat keputusan. Jadi keadilan diberi kepada semua Ahli 10 minit ya, terima kasih.

Dr Sanusi bin Daeng Mariok: Tidak ada penggulungan yang saya dibenarkan, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup. Saya sudah beri lebih. Terima kasih ya! Blok C yang di belakang sana.

4.57 ptg.

Dr T. Marimuthu (Telok Kemang): Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh atas perkara Pendidikan Rendah dan Menengah dalam muka surat 126 dalam Belanjawan Persekutuan 1991, Maksud Bekalan 26, Butiran 020000, Program 020300 Pendidikan Rendah.

Pendidikan Rendah dan Menengah dalam B.26 telah diperuntukkan \$3.7 billion daripada jumlah peruntukan \$6.3 billion bagi Kementerian Pendidikan. Ini merupakan 59% daripada jumlah peruntukan, tetapi daripada jumlah peruntukan bagi pendidikan rendah dan

mencengah, Pendidikan Rendah iaitu Aktiviti 020300 mendapat hanya 51% sahaja dan Pendidikan Menengah iaitu Aktiviti 020400 diperuntukkan 48%. Berdasarkan kepentingan pendidikan rendah yang merupakan pendidikan asas yang akan mencapai Falsafah Pendidikan Negara dan sebahagian sekolah rendah di negara kita tidak mempunyai kemudahan asas yang memuaskan, saya berpendapat peruntukan bagi sekolah-sekolah rendah tidak mencukupi. Beberapa kajian telah membuktikan bahawa pelaburan di peringkat sekolah rendah memberi hasil yang lebih tinggi daripada pelaburan di peringkat lain di bidang pendidikan.

Individu yang mempunyai prestasi pendidikan rendah memberi khidmat kepada masyarakat lebih daripada siswazah dari universiti berdasarkan pelaburan dan kos perbelanjaan pendidikan kepada individu masing-masing. Dengan kata lain, hasil sosial ataupun social returns, dengan izin, adalah lebih dibandingkan dengan hasil persendirian atau private returns, dengan izin, untuk individu yang mempunyai pendidikan sekolah rendah.

Paedagogik yang lain didapati daripada sekolah rendah yang universal atau universal primary education, dengan izin, dan yang berkesan adalah peningkatan produktiviti individu, kesan positif atas kesihatan, zat makanan dan pendidikan kanak-kanak. Lagi satu kesan positif ialah wanita yang hadir sekolah rendah semasa 4 tahun mendapat 30% kurang anak-anak dibandingkan dengan wanita yang tidak bersekolah.

Pendidikan sekolah rendah adalah asas untuk mendidik rakyat menjadi warganegara yang berpengalaman, bertanggungjawab dan berdisiplin. Pendidikan yang berkesan akan melatih murid-murid berfikir dengan tenang dan teliti dan memberi kemahiran dalam 3M, membuat keputusan yang wajar dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh mereka. Pendidikan

yang berkesan akan menyumbang kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

Walaupun kita telah mencapai pendaftaran yang tinggi di peringkat sekolah rendah dan kualiti pendidikan secara purata adalah memuaskan, masih ada beberapa sekolah yang miskin dan tersekat. Majoriti sekolah yang tersekat yang diletak di ladang dan kawasan yang mundur adalah sekolah kecil. Peruntukan yang diberi kepada sekolah ini adalah mengikut bilangan murid. Ini bermakna sekolah besar yang mempunyai bilangan murid yang tinggi mendapat peruntukan yang lebih dibandingkan dengan sekolah kecil. Oleh kerana itu, sekolah kecil kurang mampu untuk membaiki keadaan persekitaran fizikal dan mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran melalui teknologi pendidikan.

Dua faktor yang menentukan keberkesanan sesuatu sekolah adalah prestasi pencapaian dan kadar keciciran. Dalam majoriti sekolah yang kecil, prestasi pencapaian adalah rendah dan kadar keciciran adalah tinggi. Sekolah-sekolah kecil ini boleh dikatakan tersekat dua kali atau they are doubly disadvantaged, dengan izin. Mereka adalah kecil dan miskin dan juga mereka tidak mendapat peruntukan yang mencukupi. Sekolah-sekolah yang tersekat sekali adalah sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah di kawasan mundur.

Saya bercadang bahawa Kementerian Pendidikan memberi satu peruntukan khas kepada semua sekolah-sekolah yang kecil, iaitu sekolah-sekolah yang mempunyai bilangan murid 150 dan bawah. Juga, untuk meningkatkan prestasi pencapaian di sekolah-sekolah itu kita harus menumpukan atas struktur kurikulum, bahan pengajaran seperti buku teks dan panduan guru, masa pengajaran yang mencukupi, pendekalan pengajaran yang berkesan di bilik darjah

dan kapasiti murid untuk pembelajaran. Mempertingkatkan keberkesanan pendidikan rendah akan menjimatkan kos perbelanjaan dalam jangka masa yang panjang oleh kerana produktiviti dan pencapaian akan meningkat dan kadar keciciran akan berkurangan.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara saya hendak menyentuh adalah merujuk kepada mukasurat 128, Bekalan 26 atas Pendidikan Tinggi, Butiran 060000. Menteri Pendidikan baru-baru ini telah menyatakan bahawa beliau tidak puashati mengenai kualiti universiti kita atas prestasi kecemerlangan dicapai di institusi-institusi itu. Seseorang pensyarah dijangkakan memainkan peranan yang berikut:

- memberi kuliah atau mengajar;
- menjalankan penyelidikan dan menulis makalah dan buku berdasarkan penyelidikan;
- mereka juga dijangka menyumbang perkhidmatan sosial kepada masyarakat.

Pengajaran dianggap lebih penting daripada peranan yang lain. Beban kerja, bilangan penuntut, iklim atau suasana di institusi itu, corak kepimpinan dan gaji adalah beberapa faktor yang mempengaruhi prestasi universiti kita mengenai kecemerlangan. Ekspektasi penuntut, ibubapa dan masyarakat keseluruhannya kepada universiti ialah bukan seperti kilang menghasilkan individu yang berkembang keseluruhannya, tetapi seperti seorang mendapat kelayakan yang baik dan tinggi. Keadaan ini mengakibatkan satu situasi di mana semua penuntut ingin mendapat kelayakan atau sijil sahaja, iaitu the paper chase atau credentialism, dengan izin. Untuk mengurangkan keadaan ini, majikan dan masyarakat harus memberi perhatian dan tekanan atas ciri-ciri yang lain daripada pencapaian akademik sahaja....

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, sila gulung.

Dr T. Marimuthu: Ya, saya gulung, terima kasih. Satu cadangan yang saya hendak cadangkan di Dewan yang mulia ini untuk meningkatkan kecemerlangan di universiti kiu adalah kita harus menubuhkan satu tabung untuk penerbitan di peringkat universiti dan ini boleh membantu penerbitan buku, monograf, majalah dan lain-lain. Jika kita memberi tumpuan atas perkara yang saya bangkitkan tadi, saya yakin kualiti di peringkat universiti akan ditinggikan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Shah Alam.

5.00ptg.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap (Sbah Alam): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 26. Terlebih dahulu ingin saya mengambil kesempatan menyampaikan penghargaan kepada Kerajaan Barisan Nasional yang telah memperuntukkan satu anggaran perbelanjaan yang besar kepada Kementerian Pendidikan yang bertanggungjawab bagi menjalankan peranan penting dalam memupuk perkembangan dan penyuburan individu secara menyeluruh dan seimbang sesuai dengan falsafah pendidikan negara.

Bersabit dengan Butiran 020000, mukasurat 126 iaitu Pendidikan Rendah dan Menengah. Bersabit dengan pengurusan di sekolah-sekolah, terdapat kekurangan tenaga perkeranian dan kakitangan bagi melicinkan pengurusan sekolah dan terdapat ada Guru Bcsar atau Pcngetua sekolah yang terpaksa memikul berbagai-bagai beban kerja. Ada yang terpaksa menjalankan tanggungjawab sebagai kerani dan tukang kebun juga. Diharap Kementerian dapat mengkaji dan mengatasi perkara ini

kerana perkara ini adalah penting dari pengurusan pentadbiran sekolah.

Menyentuh Maksud P.26, Butiran projek 00100, Pendidikan Rendah yang telah memperuntukkan \$87,841,100 dan juga 00200, Pendidikan Menengah yang anggaran perbelanjaan pembangunan bagi 1991 sebanyak \$122,808,300. Daripada peruntukan pembangunan yang dimaksudkan, berapakah agaknya dapat disalurkan kepada Shah Alam? Izinkan saya memberi satu gambaran, Tuan Pengerusi, iaitu Shah Alam memerlukan beberapa bangunan sekolah rendah dan menengah dengan segera kerana Shah Alam adalah satu kawasan yang padat. Kalau saya dapat ceritakan hanya agak mungkin 1.6 daripada kawasan Shah Alam keseluruhan, salah satu sebahagian daripada kawasan Undangan Negeri, Batu Tiga iaitu Seksyen 1 ke 24 ianya menampung 23,000 unit rumah. Dan terdapat sekolah-sekolah yang bilik darjahnya terpaksa memuatkan lebih kurang 50 murid. Ini tidak sesuai dan ia akan menurunkan prestasi pembelajaran. Ini berdasarkan pertumbuhan manusia lebih pesat dari pertumbuhan pembangunan fizikal. Kalau keadaan begini berterusan, saya rasa ini akan terjejas pembelajaran anak-anak kita.

Terdapat juga sebuah sekolah menengah terpaksa menampung lebih dari had maksima iaitu seramai 2,700 orang yang mana saya difahamkan had maksima sekolah menengah 2,500 orang sahaja dan mempunyai 31 bilik darjah, 63 kelas bagi sesi pagi xlan petang dan termasuk menggunakan 2 kelas terapong iaitu kelas sains. Ini satu sahaja yang saya dapat beri con'jh kerana masa tidak mengizinkan. Banyak lagi laporan-laporan sekolah-sekolah dalam Shah Alam yang mempunyai masalah yang sama. Oleh yang demikian, saya harap agar pihak Kementerian dapat memberi perhatian dan mengkaji agar keperluan sekolah rendah dan menengah di Shah Alam dapat dipercepatkan.

Berkaitan dengan pembinaan dan bangunan sekolah-sekolah diharapkan juga dapat dilengkapi pada peringkat awal dengan keperluan pembelajaran kokurikulum iaitu bilik gimnasium, pusat sumber, bilik komputer dan juga bilik sembahyang dan seterusnya padang sukan yang sempurna. Kita dapat mengetahui juga ada sekolah-sekolah-sekolah yang padang sekolahnya waktu hujan jadi sawah padi kerana semasa handing over ataupun semasa penyerahan kepada pihak JKR, sekolah-sekolah ini tidak begitu lengkap maka kadang-kadang sekolah-sekolah terpaksa menjalankan aktiviti-aktiviti kebajikan untuk menampung kehendak-kehendak keperluan sekolah ini.

Dan juga perlu dikaji mengenai lalu lintas dalam pembinaan satu-satu sekolah kerana kita dapat laporan ramai kejadian-kejadian kemalangan anak-anak semasa melintas di dalam perjalanan ke sekolah atau balik sekolah. Maka sekiranya dapat, pembinaan sekolah ini perlu dikaji melengkapi keselamatan lalu lintas seperti crossing light, iaitu yang paling berkesan ataupun the most effective, dengan izin. Ada juga sekolah-sekolah kadang-kadang hanya dibina road hump alau dalam Bahasa Malaysia bonggol, ini tidak begitu berkesan, dan juga speed breaker juga pemandu-pemandu tidak mengendahkan. Oleh yang demikian, kalau dapat, untuk kebajikan anak-anak di sekolah dimuatkan atau dimasukkan aspek ini supaya tiap-uap pembangunan sekolah dikaji lalu lintas dan keadaan sekeliling perjalanan anak-anak. Scmoga perkara-perkara ini dapat memenuhi kehendak-kehendak keselamatan anak-anak kita.

Dan juga mengenai bersabit dengan keselamatan terdapat juga sekolah-sekolah yang kerelakan bangunan. Di kawasan saya sendiri di Shah Alam terdapat satu sekolah, semalam saya telah pergi melawat di Seksyen 17 iaiiu di sebuah sekolah keretakannya agak merbahaya juga. Diharap sekiranya

perkara ini berlaku di kawasan Shah Alam, di mana juga, ini haruslah diberi perhatian segera dan diperbaiki keadaan tersebut.

Menyentuh Butiran P.26, 00300, Pendidikan Teknikal dan Vokasional dan 00900 Asrama. Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian kepada Sekolah-sekolah Menengah Yokasional Kelang yang mana sekolah ini menampung seramai 697 murid pada tahun 1990, yang dapat tinggal di asrama seramai 450 orang yang lain tinggal di luar. Memandangkan murid-murid yang masuk ke Sekolah Yokasional ini lingkungan umur 15 ke 16 iaitu dalam Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 maka ini adalah satu lingkungan umur yang agak curious, adventures, dengan izin, agresif dan juga penuh dengan kekeliruan. Maka agak sukar untuk dibendung mereka ini sekiranya mereka duduk di luar dari kawasan asrama. Saya ingin juga mengesyorkan agar ini mendapat perhatian supaya ditambah bangunan asrama bagi menampung keseluruhannya duduk setcmpat agar dapat lebih terkawal. Kerana kanak-kanak di Sekolah Vokasional ini biasanya agak nakal sedikit dan laporan-laporan yang saya terima saya sangat-sangat mengharap supaya mendapat perhatian.

Dan juga seterusnya menyentuh Program 040400 iaitu Pemberian Buku Teks. Saya hanya sentuh sedikit-sedikit sahaja kerana mengejar masa. Saya juga bersetuju dengan pandangan sahabat saya dari Batang Lular supaya buku teks percuma ini dapat dikemaskinikan dan dari segi keadaan buku yang kurang memuaskan dan juga mengatasi kclewatan sampai serla dapat membekal dengan bilangan yang cukup kepada pelajar-pelajar yang memerlukan.

Menyentuh mengenai 050000 iaitu Perancangan, Penyelidikan dan Penilaian, saya ingin mendapat makluman kajian kurikulum pra-sekolah Malaysia iaitu pendidikan pra-sekolah yang tumbuh dengan pesat yang

telah melibatkan lebih kurang 300,000 lebih kanak-kanak dalam lingkungan umur 4 ke 5 tahun iaitu dianggarkan lebih kurang 35% daripada kanak-kanak dalam lingkungan umur ini. Maka memandangkan pra-sekolah yang ditaja oleh berbagai agensi maka wujudlah perbezaan mutu pendidikan yang dibekalkan. Oleh kerana pra-sekolah adalah sebagai batu asas pendidikan anak-anak maka apakah tindakan Kementerian selanjutnya. Dan saya harap perkara ini akan diperuntukkan dalam Akta Pendidikan yang baru yang akan mengganti Akta Pembelajaran 1991.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup.

Puan Hajah Rakibah binti Haji Abdul Manap: Masa sudah cukup? Saya rasa baru benar lagi. Tidak apalah, saya akur dengan Tuan Pengerusi walaupun ada lagi satu perkara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Nilam Puri.

5.11 ptg.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Nilam Puri): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 010100 Pentadbiran Umum dan 010200 Peniadbiran Pendidikan di Negeri-negeri.

Pertama sekali hal guru-guru. Kita tahu bahawa dua orang guru yang ditahan di bawah ISA di Kamunting telah dibuang kerja di atas alasan mereka tidak hadir untuk mengajar di sekolah. Macam

mana merekahendak hadir sebab mereka berada dalam Kem Tahanan Kamunting! Tetapi di zaman Dr. Mahathir menjadi Menteri Pelajaran, di zaman Dato' Musa Hitam, di zaman Dato' Abdullah Ahmad Badawi, banyak guru-guru yang ditahan di bawah ISA seperti pada tahun 1980, 1974 dan sebagainya tetapi mereka tidak dibuang daripada mengajar. Hanya sekarang di bawah Menteri Pendidikan yang menjadi juara penentang ISA maka guru-guru yang ditahan di bawah ISA dibuang dengan alasan mereka tidak dapat pergi mengajar ke sekolah. Pelik bin Ajaib!

Di bawah Butiran 020000 Aktiviti 020600 Pengurusan Pendidikan Islam. Sekarang ini kita lihat di universiti-universiti perlantikan-perlantikan Dekan dan Profesor-profesor Madya; kita difahamkan bahawa ia lebih berrimip kepada kecenderungan seseorang itu dalam politik ataupun kecenderungan seseorang itu kepada orang-orang yang tertentu.

Misalnya, perlantikan-perlantikan yang berdasarkan kepada politik ini menyebabkan kita lihat pencapaian akademik di universiti mulai lemah. Misalnya di Universiti Kebangsaan Malaysia, Pakulti Islam. Perlantikan tenaga akademiknya, Profesor Madyanya dan juga yang menjadi Ketua Pentadbir di situ menyebabkan ianya bukan orang yang dianggap berkeelayakan. Oleh itu di Pakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, sudah tiga tahun kakitangan akademik di Pakulti itu tidak ada mesyuarat. Oleh itu bagaimanakah mereka hendak bincang untuk menaikkan prestasi akademik sedangkan sudah tiga tahun Pakulti Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, kita difahamkan tidak ada mesyuarat. Ini sudah tentulah kita lihat kerana perlantikan yang berbau politik ini lambat-laun ia akan merugikan dan merendahkan nilai akademik di universiti-universiti.

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatankuasa)

Dalam Butiran 060200 Pemberian Peruntukan Universiti Sains Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa. Universiti Islam Antarabangsa ialah satu universiti yang bertaraf antarabangsa. Pelajar-pelajar mereka sekarang ini dikongkong begitu dahsyat sehingga mereka ini kalau hendak bertemu dengan parti Pembangkang seperti kami terpaksa diadakan di luar kampus di sebuah rumah yang sunyi dan diguard pula didepannya. Ertinya pelajar itu ada guard sendiri tengok kalau-kalau mereka diintip ataupun diketahui mengadakan pertemuan dengan parti Pembangkang. Dan orang-orang politik tertentu disenarai-hitamkan tidak boleh masuk berceramah atau forum di Universiti Islam Antarabangsa sedangkan Universiti Islam Antarabangsa sepatutnya menjadi betul-betul bertaraf antarabangsa, diberi kebebasan kepada pelajar tersebut untuk organise forums, ceramah atau pertemuan dengan parti-parti politik. Bahkan pemimpin-pemimpin UMNO tertentu disenarai-hitamkan juga, tidak boleh masuk ke UIA. Ini sudah tentulah pencapaian pengetahuan mereka terulama hal-hal isu semasa akan menjadi terbantut. Sebab itu kita berharap Kementerian Pendidikan mengambil perhatian serius terhadap kebekuan pelajar UIA sekarang ini. Bagaimana hendak melahirkan seorang peguam Islam, ekonomis Islam yang baik sedangkan mereka di kongkong sedemikian rupa sehingga pelajar-pelajar itu menjadi takut.

Petang semalam saya ada pertemuan dengan pelajar-pelajar UIA. Saya lihat mereka ini berada dalam keadaan "serba salah, mereka kata: "Jaga, kalau kami kelihatan, maka kami akan dipanggil oleh ketua kami, dan kami akan diambil tindakan." Saya kata: "saya dari parti politik yang halal". "Bukan daripada PAS, daripada UMNO tertentu pun kami tidak boleh jumpa". Inilah perasaan

pelajar-pelajar UIA sekarang bagaimana kongkongan yang dikenakan terhadap mereka. Saya rasa ianya tidak sesuai langsung dengan universiti yang sepatutnya menjadi iaraf antarabangsa.

Kemudian, tuduhan-tuduhan liar yang mengatakan bahawa "Dato¹ Seri" yang diperolehi oleh Menteri Pendidikan itu adalah "Dato" Seri" beli. Tuduhan ini hendaklah dinafikan. Kalau tidak, imej Menteri Pendidikan akan hancur sebab kononnya pembelian tanah di Kuantan bcrharga \$5 juta itu adalah kerana berlaku berbagai-bagai kong-kali-kong yang menyebabkan tuduhan liar yang mengatakan "Daio¹ Seri" dibeli daripada pembelian tanah lerscbut dan pemindahan kampus dari Janda Baik ke Kuantan.

Seterusnya hal Universiti Sains di Pulau Pinang. Saya ingin sentuh rungutan pelajar-pelajar di peringkat post-graduate. Perhatian hendaklah diberi kepada mereka bahawa pelajar-pelajar post-graduate ini biasiswa yang diperuntukkan kepada mereka terlalu rendah. Pihak Kementerian telah berjanji 5 tahun yang lalu untuk mcngkaji kenaikan biasiswa kepada mereka kerana \$450 untuk sewa dan makan khususnya kepada post-graduate yang kebanyakannya iclah berkeluarga menyebabkan mereka hidup dalam keadaan scmpii. Bagaimanakah mereka hendak buat Ph.D atau Master Degree sedangkan kehidupan mereka amat terhimpit di Bandaraya Pulau Pinang. Sekian.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang hujung sekali, Sungai Pelani.

5.17ptg.

Che Ibrahim bin Mustafa (Sungai Petani): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030200 dan 030300 Pendidikan Teknik dan Vokasional, secara ringkas.

Dalam keadaan keghairahan Kerajaan dan Kementerian Pendidikan untuk memperkenalkan Pendidikan Teknik dan Yokasional yang merupakan kesinambungan daripada sistem pendidikan kita dalam tahun-tahun 1970an, saya ingin memperingatkan bahawa beberapa faktor yang perlu kita ikuti, iaitu:

- (a) Untuk lebih berkesan Kerajaan perlu mengalihkan orientasi pelajar-pelajar daripada bekerja dengan Kerajaan kepada bekerja dengan sektor swasta atau memulakan perusahaan sendiri.
- (b) Perlu memikirkan apakah latihan atau kurikulum yang diberikan kini sesuai dengan perkembangan industri negara sekarang dan untuk tahun-tahun yang akan datang. Adakah pelajar-pelajar kiu telah disediakan dengan ilmu teknologi yang berkembang dengan pesat sekarang yang lambat-laun akan digantikan dengan teknologi baru yang lebih canggih pula.
- (c) Apakah program yang perlu kita fikirkan dan sistem yang disarankan oleh Kementerian Pendidikan nanti akan mengambil kira sebaran maklumat mengenai perkembangan serta perubahan teknologi masa kini? Juga, apakah ilmu tambahan yang perlu ada pada pelajar supaya mereka lebih bersedia untuk berdepan dengan perubahan-perubahan itu?

Seterusnya kita perlu memikirkan penyediaan kurikulum bagi mata-pelajaran vokasional hendaklah disesuaikan dengan keperluan tempatan dan persekitarannya. Misalnya di kawasan PELDA hendaklah mengutamakan kemahiran yang mempunyai kaitan dengan keperluan-keperluan di rancangan tanah dan begitu juga di kawasan MADA dan persawahan bersesuaian dengan keperluan-keperluan industri persawahan dan padi.

Seterusnya saya ingin ingatkan bahawa pengajaran matapelajaran kemahiran hidup, kemahiran manipulatif yang sedang berlangsung sekarang wajar mengambil kira hakikat bahawa pelajar lulusan sekolah menengah yang belajar menerusi matapelajaran ini mampu mempraktikkan kemahiran yang dipelajari untuk mengongkosi kehidupan mereka.

Perkara ini penting kerana mata-pelajaran seperti sains pertanian, seni perusahaan, sains rumahtangga atau perdagangan yang telah dipelajari di masa-masa lampau gagal mempraktikkan pengetahuan yang telah dipelajari, matapelajaran kemahiran manipulatif itu sendiri adalah lanjutan daripada kurikulum matapelajaran-matapelajaran tadi yang telah lama diamalkan di sekolah-sekolah tersebut.

Seterusnya tentang pendidikan rendah, Tuan Pengerusi, Butiran 023000. Berdasarkan pengalaman saya di sekolah, saya ingin tahu sama ada pihak Kementerian sedar bahawa ada di sekolah-sekolah terutamanya di luar bandar atau atas faktor-faktor tertentu tidak lagi mempraktikkan amalan KBSR dalam proses pembelajaran, pengajaran di dalam bilik darjah. Malah secara tidak langsung telah kembali kepada kaedah-kaedah lama (KLSR). Aspek-aspek penggabung-jalinan, penyerapan, penilaian, pengayaan, pemulihan dan pengumpulan murid-murid di dalam kelas berdasarkan aras pencapaian metodologi, pedagogi serta peralatan mengajar tidak lagi dihiraukan. Guru kembali kepada kaedah lama yang lebih simple, chalk

Buku-buku Kerja terbitan penerbit and talk, dengan izin, Tuan Pengerusi.

swasta masih berleluasa digunakan. Malah bilangan murid-murid yang buta huruf kian bertambah setelah meningkat ke Darjah VI/Tingkatan I dan ini merupakan manifestasi daripada kegagalan 3M yang tujuan murninya

ialah setelah murid-murid itu gagal Darjah VI mereka boleh menguasai kemahiran 3M.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Program 080100—Lembaga Peperiksaan Malaysia. Saya menyokong saranan daripada sahabat saya dari Padang Terap tadi tentang ganjaran yang diberikan kepada pemeriksa-pemeriksa kertas. Hampir 10 tahun lebih ganjaran ini tidak pernah dinaikkan sama ada STPM, SPM. Pada SPM kertas Bahasa Malaysia hanya diberi ganjaran \$1.60 sen—10 tahun yang lalu—dan tidak ada guru yang sudi untuk memeriksa kertas yang sangat penting ini. Ini perlu diambil kira oleh pihak Kementerian.

Seterusnya Program 070400—Latihan Pra-Perkhidmatan, mukasurat 129. Saya ingin menyenluh sedikit tentang Maktab Perguruan. Ada 28 buah maktab perguruan yang sekarang berfungsi untuk menghasilkan guru-guru yang akan menjadi mohor dalam pembangunan nusa dan bangsa negara kita dan ini adalah sangat penting.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian sama ada kita ingin jadikan maktab perguruan ini sebagai institusi akademik alaupun institusi yang berorientasikan kemahiran. Kita mesti buat satu penegasan, sama ada kita ingin jadikan maktab perguruan yang 28 buah dan yang akan didirikan itu lagi akan menjadi sebagai institusi akademik seperti institusi-institusi pengajian tinggi yang lain ataupun sebagai institusi yang berorientasikan kemahiran sebagaimana pusat-pusat latihan yang lain.

Kalau kita ingin jadikan institusi akademik, inilah arah yang berlaku di maktab-maktab perguruan hari ini. Kalau kita inginkan jadi sebagai institusi yang mementingkan "skills", kemahiran, maka kita perlu mengambil tindakan yang segera, sebab tujuan kita ialah untuk melahirkan guru-guru yang

berkarisma, berkaliber dan berwibawa. Dengan lima semester yang ada hari ini, lima semester penuntut-penuntut memasuki maktab perguruan hanya satu semester sahaja diberi untuk sesi praktikum latihan mengajar dan ini tidak sesuai, tak cukup. Empat semester lagi, empat sesi, lagi untuk teori. Saya rasa masa untuk sesi praktikum itu perlu ditambah dan dilipatgandakan supaya sesuai untuk kita jadikan dia sebagai satu institusi yang berorientasikan kemahiran seperti institusi-institusi yang lain.

Sehubungan dengan itu ialah kedudukan pensyarah-pensyarah maktab perguruan yang ketinggalan hingga kini. Pensyarah-pensyarah ini dikategorikan sebagai guru biasa. Bila ada exercise kenaikan pangkat, apa yang berlaku ialah mereka ini tidak terlibat. Saya cadangkan supaya kalau boleh satu skim yang khusus diadakan untuk pensyarah-pensyarah di maktab-maktab perguruan. Kalau kita tak boleh wujudkan satu skim, pensyarah-pensyarah yang ada di maktab perguruan ini, bila mereka bertugas di maktab perguruan perlu diberikan kenaikan gaji, kenaikan bar/sekatan, dua kenaikan gaji atau sebagainya, sebagai satu pengiktiafan kita kepada mereka yang bertugas di situ. Ini adalah sesuai kerana dengan peningkatan laraf akademik guru-guru pelatih di maktab perguruan, kalau dulu SPM, sekarang majoritinya STPM, tugas-tugas yang berlipatganda dan juga dengan taraf akademik pensyarah-pensyarah itu sendiri yang majoritinya sekarang bukan sahaja terdiri daripada Sarjana Muda, malah terdiri daripada Sarjana-sarjana (Masters) dan Ph.D.

Ini kita ambil kira untuk menjaga kualiti pensyarah dan guni-guru yang dihasilkan oleh maktab perguruan kita kerana di sinilah sarangnya—bermulalah segala kecemrlangan, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Kuala Nerus.

5.27 ptg.

Datuk Haji Abdul Rashid bin Muhammad (Kuala Nerus): Tuan Pengerusi, saya ingin turut sama berbincang mengenai Kementerian Pendidikan. Menyentuh Maksud B. 26, mukasurat 125, 126 dan 127 Butiran sekaligus 010000—Pentadbiran Am; 010200—Pentadbiran Pendidikan di Negeri-negeri; 020000—Pendidikan Rendah dan Menengah dan Butiran 040000—Kebajikan Penuntut-penuntut.

Tuan Pengerusi, tidak dapat dinafikan lagi bahawa Kementerian Pendidikan di negara kita ini merupakan suatu Kementerian yang terpenting dalam mencapai matlamat negara untuk menentukan masyarakat berilmu dan individu yang alim, di mana saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan yang telah dapat meyakinkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang mana telah dapat memberikan peruntukan yang lebih besar pada tahun ini berbanding dengan tahun lalu 1990, iaitu peruntukan sebanyak \$6,032,528,460 bagi tahun 1990 dan bagi tahun ini \$6,251,384,850, yang menunjukkan kelebihanannya sebanyak \$218,856,390.

Saya optimis dan yakin sekali dengan peruntukan yang besar ini akan dapat mencapai matlamat seperti yang dirancangan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan kita bagi mencapai prestasi yang lebih lagi daripada masa-masa yang lalu. Memangnya tidak dapat dinafikan lagi matlamat sistem pendidikan negara telah mencapai ke tahap yang boleh dibanggakan mengikut landasan dasar pendidikan negara semenjak dari masa kita membuat dasar ini dahulu iaitu semasa kita mencapai kemerdekaan lagi.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh sedikit mengenai beberapa perkara bagi menambahkan idea-idea yang boleh diambil pengiktibarannya untuk

panduan kepada Yang Berhormat Menteri kita supaya dapat diperkemaskan lagi pentadbiran am dan lain-lain perkara yang berkaitan dengan pendidikan negara.

Tuan Pengerusi, walaupun soal pendidikan ini menjadi tanggungjawab yang penuh kepada Kementerian Pusat, tetapi sebelum ini apa yang kita lihat, ada juga yang membuktikan bahawa pengurusan pelajaran agama di negeri-negeri telah menjadi satu tanggungjawab bersama ataupun beban bersama yang dipikul oleh pihak Kerajaan Negeri, seperti di negeri Terengganu dan di kawasan saya sendiri, iaitu di kawasan Parlimen Kuala Nerus yang mempunyai sekolah menengahagama di mana satu di bawah pentadbiran Kementerian Pendidikan dan satu lagi di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama di peringkat Negeri Terengganu.

Jadi, bagi meringankan beban yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri, seperti di Terengganu, di mana begitu banyak sekali terdapat sekolah-sekolah agama iaitu di tiap-tiap daerah daripada Kemaman, Besut, Marang, Kuala Terengganu, Ulu Terengganu, Dungun dan juga sebuah Kolej Agama yang terbesar iaitu Maktab Zainal Abidin yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri, maka saya rasa amat perlu sekali pihak Kerajaan Pusat di bawah Kementerian Pendidikan mengambil satu inisiatif bagi mengambil-alih satu atau dua buah sekolah untuk meringankan beban Kerajaan Negeri iaitu sekolah-sekolah yang di bawah pentadbiran Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu dan juga memperbanyakkan lagi sekolah-sekolah menengah yang berbentuk agama di bawah Kementerian Pendidikan, bukan sahaja di negeri Terengganu bahkan di negeri-negeri yang lain.

Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa untuk mewujudkan masyarakat yang berilmu ini adalah satu perkara yang amat susah dan untuk mewujudkan seorang individu yang alim adalah satu

perkara yang bukan senang, kerana dalam kata-kata pendita Islam, Tuan Pengerusi, yang mengatakan dalam bahasa Arab yang bermaksud "Kalaulah cahaya ilmu itu didapati hanya dengan cara mimpi sahaja, maka sudah tentulah tidak ada dalam dunia ini seorang pun manusia yang jahil. Jadi, sepatutnyalah dalam perkara yang sangat penting ini kita harus berusaha dengan lebih gigih untuk mengadakan berbagai-bagai cara dan kemudahan-kemudahan bagi kepentingan pendidikan kanak-kanak di negara kita ini.

Menyentuh dalam soal mewujudkan satu pmbelajaran sekolah satu sesi yang mana....

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Butiran berapa sekarang ini?

Datuk Haji Abdul Rashid bin Muhammad: Butiran 010000—Pentadbiran Am. Perkara ini telahpun disebutkan oleh Menteri Pendidikan kita, iaku hasrat kita untuk mewujudkan sekolah satu sesi di sebelah pagi. Menurut pendapat pakar-pakar pendidikan waktu belajar bagi kanak-kanak ialah daripada waktu pagi sampailah pukul 3 petang. Jadi, setakat ini di negeri saya, di Terengganu dan juga di negeri lain, saya percaya, belum lagi dapat diadakan sekolah-sekolah satu sesi. Jadi, saya menyeru dan berharap kepada pihak Kementerian Pendidikan supaya dapat menyempurnakan dan mengotakan janji dan perisytiharan yang telah dibuat oleh pihak Menteri supaya tahun 1991 ini akan menjadi satu tarikh untuk mewujudkan sekolah satu sesi di seluruh negara.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung ucapan.

Datuk Haji Abdul Rashid bin Muhammad: Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh di sini mengenai kebajikan penuntut-penuntut.

Kalau pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pada tahun 1990, telah sanggup mengeluarkan peruntukan sehingga \$300 juta lebih bagi melaksanakan Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), yang mencakupi semua aspek kebajikan rakyat termasuklah anak-anak sekolah dengan diberi bantuan pakaian, basikal, buku-buku dan lain-lain, maka saya menyarankan di sini supaya Kementerian Pendidikan membuat satu peruntukan yang khusus bagi mengurangkan beban yang ditanggung oleh rakyat yang miskin dan yang mempunyai anak-anak di sekolah.

Terutama sekali, saya ingin menyarankan di sini supaya pmbayaran yuran di sekolah rendah hendaklah dihapuskan semuanya. Saya percaya jumlahnya tidak besar berbanding dengan jumlah bantuan makanan, basikal dan sebagainya yang diberi kepada kanak-kanak sekolah yang dibuat pada tahun 1990. Saya rasa lebih baik kita menghapuskan yuran sekolah yang mana tidak besar jumlahnya tetapi kesannya amat menyerap sekali kepada hati dan perasaan rakyat. Ini juga untuk kepentingan parti Barisan Nasional dan juga pihak Kerajaan sendiri supaya dapat menarik kepercayaan rakyat di kampung-kampung dan di luar bandar yang termiskin.

Selain daripada itu, saya menyeru supaya bayaran yuran peperiksaan, iaitu sebanyak \$104.00 atau \$106.00 untuk memasuki peperiksaan SPM dan SRP, kalau tidak dapat dihapuskan semuanya hendaklah dikurangkan sekali ganda ataupun separuh sahaja dibayar pada peringkat pertama. Ini adalah untuk kita menuju kepada kemudahan pelajar secara percuma di masa yang akan datang di seluruh negara kita.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tuan.

5.33ptg.

Datuk Monggoh Orow (Tuaran):

Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh mengenai Maksud Bekalan B.26, Butiran 010000—Pentadbiran Am dan Maksud Pembangunan P.26, Butiran 00100—Pendidikan Rendah; 00200—Pendidikan Menengah; 00800—Rumah-rumah Guru Luar Bandar; 00900—Asrama dan 01500—UKM, Kampus Sabah. Memang Belanjawan Kementerian Pendidikan bagi tahun ini adalah melebihi \$218,856,390 daripada yang telah diperuntukkan bagi tahun lalu.

Tuan Pengerusi, tetapi apa yang menyedihkan peruntukan bagi Maksud Pembangunan telah dikurangkan daripada \$1,368,288,860 bagi tahun lalu kepada hanya \$699,863,950 bagi tahun ini.

Saya bangkitkan perkara ini kerana terdapat banyak kelemahan di dalam bidang pendidikan walaupun telah disebutkan bahawa Kementerian ini adalah satu Kementerian yang peniing sekali dari segi pelaburan tenaga manusia untuk kepentingan negara kita.

Pertama, kekurangan bangunan-bangunan sekolah. Ini adalah nyata di mana kita dapati ramai murid-murid dalam satu kelas. Ada kelas yang mempunyai murid-murid lebih daripada 50 orang dan terdapat sekolah-sekolah ini dibuka pada masa pagi dan petang, bermakna bilik-bilik darjah tidak mencukupi.

Demikian juga kediaman guru-guru, misalnya di Sabah. Di kawasan-kawasan luar bandar tidak ada pengusahapengusaha pembinaan rumah yang sanggup membina rumah-rumah untuk dijual kepada orang awam dan oleh sebab Dasar Kerajaan yang tidak menggalakkan lagi membangun rumah untuk kakitangannya maka terdapat di kawasan-kawasan luar bandar tidak ada rumah untuk kediaman guru-guru.

Apabila mereka ini dipindahkan daripada kawasan yang mempunyai rumah ke kawasan yang tidak mempunyai rumah, maka kesulitan timbul.

Pertama, mereka tidak diberi subsidi untuk menyewa rumah. Kalau ada rumah disewa tetapi di kawasan di luar bandar ini tidak ada rumah yang disewa. Rumah kampung kalau ada tetapi keadaan rumah-rumah ini tidak senonoh untuk guru-guru yang sepatutnya diberi kemudahan supaya mereka ini boleh menjalankan tugas-tugas dengan lebih berkesan. Ada yang saya diberitahu bahawa mereka ini diam di dalam setor di kawasan sekotah ataupun menyewa rumah-rumah kampung yang tidak begitu baik—bekalan elektrik tidak ada, bekalan air tidak ada, tandas tidak ada dan bagaimana guru-guru ini boleh menamatkan pendidikannya kepada murid-murid yang kita harap satu hari nanti akan menjadi pemimpin di dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya guru-guru ini tidak dapat menjalankan tugasnya dengan baik, maksud saya mutu pengajarannya tidak baik, bermakna hasilnya itupun tidak baik, kualiti murid-murid yang akan keluar dari sekolah itu sudah tentu tidak baik. Jadi, saya memntnta di sini Kerajaan mengubah dasar supaya memberi kemudahan kepada guru-guru di mana ada kemudahan rumah dibekalkan subsidi untuk menyewa rumah kerana apa yang saya tahu, guru-guru yang pindah dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, mereka diberi kemudahan subsidi untuk penyewaan rumah tetapi guru-guru yang dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat di Sabah, mungkin ini juga berlaku di Semenanjung, mereka tidak diberi kemudahan subsidi ataupun elaun untuk menyewa rumah.

Dasar Kerajaan menggalakkan kakitangannya untuk memiliki rumah—ini bagus, tetapi berapa ramai kakitangan

Kerajaan yang boleh memiliki rumah di banyak tempat? Mereka ini hanya dibenarkan memiliki satu buah rumah sahaja tetapi kalau rumah itu ditempatkan misalnya di Kota Kinabalu dan beliau itu dipindahkan ke Keningau, sudah tentu tidak ada rumah di Keningau. Dia tidak boleh bawa rumah itu dari Kota Kinabalu ke Keningau. Jadi, ini satu masalah, mengganggu guru-guru itu menjalankan kerjanya dengan baik.

Saya minta supaya peruntukan yang telah dikurangkan itu daripada tahun lalu, \$ 1.3 bilion kepada \$669 juta. Kalau peruntukan untuk kediaman guru-guru tidak ada, berikan supaya mereka boleh mengajar dan bekerja dengan selesa. Satu lagi contoh di mana terdapat kekurangan rumah ini, ada sekolah-sekolah di Sabah di mana mereka meminta bantuan kewangan daripada syahkat-syarikat swasta ataupun orang perseorangan. Ini satu keadaan yang tidak baik untuk Kerajaan sedangkan ini adalah tugas Kerajaan untuk memberi kemudahan asas. Saya mintalah supaya peruntukan ini diberi dan perhatian berat diberi kepada keadaan yang pincang ini.

Satu lagi yang perlu sekali ialah asrama. Dewan ini telah diberitahu bahawa di Sabah terdapat lebih daripada 21,000 tempat asrama manakala yang telah digunakan hanya lebih kurang 17,000. Ini kita akui tetapi masalah yang besar, Tuan Pengerusi, ialah perancangannya tidak baik. Ada kepincangan, misalnya yang saya telah sebutkan contoh di Kampung Bontoi di Tamparuli di mana terdapat sebuah rumah yang diperbuat daripada buluh, 40 murid-murid menginap di sana. Ini menunjukkan bahawa kemudahan asrama di kawasan Tamparuli itu tidak cukup. Mungkin di kawasan lain lebih. Apa yang perlu sekali ialah perancangan itu dibuat dengan sebaik-baiknya supaya peruntukan yang terhad ini kita

dapat gunakan dengan sebaik-baiknya dan boleh membawa manfaat yang baik kepada murid-murid. Barangkali di kawasan yang lain ada kelebihan kemudahan asrama yang tidak dapat digunakan kerana ada lebih lagi 4,000 bilik yang tidak digunakan. Jadi, saya mintalah supaya Kementerian Pendidikan menyasiat perkara ini dan membuat perancangan yang baik supaya resources kita yang terhad ini tidak disia-siakan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung ucapan.

Datuk Monggoh Orow: Tidak banyak lagi. Yang akhir sekali ialah Universiti Kebangsaan Malaysia—Kampus Sabah. Dewan ini telah diberitahu bahawa banyak tempat untuk murid-murid sekolah yang lepasan sekolah tinggi untuk memasuki universiti. Mungkin ini juga betul seperti yang saya sebutkan tadi mengenai dengan asrama. Jika ini betul, saya ingin tahu kenapa ramai juga murid-murid lepasan sekolah tinggi yang tidak dapat tempat di universiti-universiti di negara kita ini dan terpaksa pergi ke luar negara untuk menuntut di institusi-institusi pengajian tinggi.

Ini adalah satu keadaan yang menunjukkan bahawa perancangan itu mungkin ada kepincangan dan kalau boleh, saya minta supaya kampus Universiti Kebangsaan di Sabah di tambahkan lagi bidang fakulti yang ada sekarang supaya lebih ramai lagi warganegara Malaysia bukan sahaja dari Sabah tetapi dari Sarawak dan Semenanjung Malaysia dapat menuntut di Sabah supaya dasar Kerajaan kita untuk mengintegrasikan warganegara Malaysia dapat kita wujudkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Parit Sulong.

5.49 ptg.

Tuan Ruhanie bin Ahmad (Parit Sulong): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil masa yang ringkas iaitu merujuk kepada mukasurat 128, di bawah Butiran 060000—Pendidikan Tinggi. Kalau kita merujuk kepada buku Program dan Prestasi pada mukasurat 290, tujuan Program Pendidikan Tinggi ialah mengeluarkan rakyat yang mempunyai kelulusan iktisas yang khusus serta bertanggungjawab, berdisiplin, luas pandangan dan berfikiran waras bagi menentukan keperluan negara dan cita-cita rakyat seluruhnya. Dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, keseluruhan siswazah-siswazah ataupun pelajar-pelajar yang menuntul di Pusat-pusat Pengajian Tinggi adalah pelaburan Kerajaan dan pelaburan rakyat jelata yang telahpun membelanjakan dan meluluskan belanjawan yang besar untuk membiayai pendidikan mereka. Dalam hal ini, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pendidikan, apakah sudah terjadi kepada segolongan mahasiswa di universiti-universiti kita pada hari ini? Menjelang pilihanraya yang lalu, beberapa hari sebelum membuang undi, kita terdengar dan kita mengetahui menerusi laporan akhbar-akhbar, Persatuan Mahasiswa menggabungkan diri sebagai Gabungan Mahasiswa Islam SeMalaysia, ataupun "GAMIS". GAMIS terang-terang menentang Kerajaan dengan mengeluarkan manifesto, dengan mengadakan press conference di hotel yang prestige. Siapakah di belakang mahasiswa ini? Kebangkitan seperti ini, Tuan Pengerusi, adalah tidak sihat kerana Kerajaan yang stabil dan mantap partinya hendak diwariskan kepada generasi akan datang yang berdisiplin,

Saya mendesak kepada Kementerian Pendidikan mengkaji mereka ini. Mereka yang terlibat harus diberi ingatan, sama ada menerusi tindakan disiplin dan sebagainya. Kalau mereka pemegang-pemegang biasiswa, apakah harus dibuat kepada biasiswa mereka?

Oleh kerana anak-anak ini, anak-anak yang pergi dengan berkat doa masyarakat, anak-anak yang meninggalkan kampung melangkah ke kampus dengan berkat doa masyarakat, dengan belanja masyarakat, dengan belanja Kerajaan masuk ke kampus untuk belajar, tetapi menentang Kerajaan, ini adalah satu perkembangan kepada saya, yang harus disekat. Disekat bukan makna kita ingin menyekat perkembangan demokrasi, tetapi disekat supaya mereka ini menumpukan perhatian mereka terhadap perkembangan akademik yang harus mereka lalui.

Tuan Pengerusi, saya inginlah mendesak supaya Kerajaan menyasiat perkara ini. Siapakah di belakang mereka? Benar alau tidak kemungkinan pihak-pihak Pembangkang membiayai mereka? Kalau tidak, saya sebagai bekas pemimpin pelajar tahu bagaimana kebajikan pelajar, bagaimana kedudukan kewangan pelajar, saya pasti mereka tidak mampu untuk menjejak ke hotel-hotel bertaraf 5 bintang. Jadi dengan ringkasnya, saya ingin menyatakan di Dewan yang mulia ini, perkara ini harus disekat, perkara ini harus disiasat dan tindakan-tindakan lanjutan seharusnya dilaporkan kepada seluruh masyarakat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Tasek Chenderoh. Selepas Yang Berhormat dari Tasek Chenderoh berucap, Yang Berhormat Menteri Pendidikan diminta menjawab.

5.54 ptg.

Tuan Haji Hamzah bin Haji Mohamed Zain (Tasek Chenderoh): Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya hanya untuk bercakap sedikit sahaja.

Perkara yang pertama di bawah Butiran 040300—Asrama. Tuan Pengerusi, kita faham rasional

Kementerian Pendidikan untuk mengadakan asrama bagi sekolah rendah, asrama desa bagi sekolah rendah.

Dalam kawasan sayapun ada sebuah sekolah yang telah dipilih dan dijadikan asrama untuk menampung beberapa orang murid-murid pilihan yang dipilih daripada beberapa kampung yang jauh dari sekolah dan dimasukkan ke asrama tersebut unluk memberi kemudahan yang lebih, dan murid-murid yang dipilih ini adalah murid-murid yang telah dikenalpasti sebagai murid-murid yang berpotensi. Tetapi setelah 2-3 tahun program ini berjalan kita mendapati bahawa keputusan mereka dari segi akademik walaupun sekarang ini disebut UPSR ini tidak penting sebagai satu penilaian, tetapi keputusan akademiknya tidaklah mencapai ketahap yang dicita-citakan.

Tuan Pengerusi, saya hendak menarik perhatian di sini bahawa pada pandangan saya murid-murid yang terlalu muda umurnya tidak harus dipisahkan daripada keluarga, kerana sesungguhnya institusi keluarga adalah satu institusi yang amat penting di dalam usaha kita untuk membina dan mendidik seorang manusia, matahan nilai-nilai yang baik dalam masyarakat, nilai-nilai budaya, nilai-nilai untuk berintraksi sesama manusia dan sesama masyarakat adalah diperturunkan di dalam intraksi keluarga. Dan jika sekiranya seorang itu dipindahkan, dipisahkan daripada keluarganya terlalu awal sudah tentulah memberi kesan yang amat sangat kepada perkembangan seorang individu. Jadi kerana itu saya berpandangan bahawa asrama seperti ini patut dikaji semula dan penekanan haruslah diberi kepada murid-murid mesti tinggal di rumah, dan segala bantuan kebajikan hendaklah disampaikan berasaskan kepada pembinaan manusia itu di dalam keluarga. Malahan asrama di peringkat menengah sekalipun, kita tahu membawa juga kesan-kesan yang negatif. Walaupun kesan-kesan positif dari segi akademik ada, tetapi kesan-kesan

pembinaan sebagai seorang manusia masih tetap mempunyai unsur yang negatif. Sebab itulah kita hari ini setelah sekolah asrama yang begitu banyak kita dapat melahirkan manusia-manusia yang berilmu, tetapi apabila mereka ini keluar ke dalam masyarakat, mereka ini sebenarnya tidak mempunyai keterampilan yang cukup dah segi pembinaan peribadinya; sehingga kita dapat orang yang mahir, tetapi orang yang tidak berakhlak, orang yang sanggup rasuah, orang yang sanggup pecah amanah dan orang yang tidak dapat berintraksi dengan baik dengan masyarakat dan menjadi rakyat yang taat setia dan warganegara yang baik. Kerana itu kita harus mengkaji sistem asrama kita ini supaya di dalam sekolah-sekolah berasrama ini kita dapat membina satu bentuk kekeluargaan yang baik, kerana sebenarnya unit keluargalah asas kepada pendidikan seseorang manusia.

Tuan Pengerusi, perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah dari segi pengurusan kurikulum, Butiran 050000 iaitu Matapelajaran Bahasa Inggeris, mukasurat 128 dan berkait juga mungkin dengan Maksud P.26—Pusat Perkembangan Kurikulum, Butiran 017000 yang hanya diberi token \$10. Matapelajaran bahasa Inggeris. Dalam KBSM sekarang bahasa Inggeris tidak mengalami perubahan yang banyak.

Dahulu bahasa Inggeris diajar sebagai satu matapelajaran yang berasaskan bahasa Inggeris untuk komunikasi (English for communication). Dalam matapelajaran bahasa Inggeris ini kita menekankan bagaimana seorang itu hendak berkomunikasi di dalam bahasa Inggeris, bagaimana dia pergi ke kedai menggunakan bahasa Inggeris, pergi ke Pejabat Pos menggunakan bahasa Inggeris, hendak beli tiket menggunakan bahasa Inggeris, hendak pergi membaiki kereta menggunakan bahasa Inggeris.

Walhal yang sebenarnya matlamat kita ialah supaya dalam kehidupan harian masyarakat kita, kita hendakkan

seluruh rakyat menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa penyatuan untuk membina sebuah bangsa yang bersatupadu. Tetapi kalau di dalam matapelajaran kurikulum bahasa Inggeris, ini kita menekankan aspek komunikasi, akhirnya kita mendapati orang yang keluar dari sekolah menggunakan bahasa Inggeris di dalam perhubungan mereka. Yang sepatutnya kita tekankan ialah bahasa Inggeris untuk mencapai ketinggian ilmu. Bagaimana kita hendak menggunakan bahasa Inggeris ini dalam kita hendak meningkatkan pengetahuan kita. Sebab itulah mungkin sekarang ini apabila pelajar sampai ke peringkat universiti, mereka seharusnya menggunakan bahasa Inggeris untuk mendckali hasil-hasil akademik di dalam bahasa Inggeris, tetapi mereka tidak mampu kerana sewaktu di sekolah menengah, mereka ditekankan dengan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi. Jadi saya harap pihak perkembangan kurikulum ataupun pengurusan kurikulum ini memerhatikan supaya membuat satu penilaian semula dan mengkaji supaya kurikulum bahasa Inggeris ini bertepatan dengan maksud dan tujuannya. Kita hendakkan bahasa Inggeris ini untuk apa? Adakah untuk digunakan bagi komunikasi dalam masyarakat kita ataupun sebagai satu alat kita hendak mengkaji di peringkat yang lebih tinggi.

Tuan Pengerusi, perkara seterusnya ialah Program 020600—Pengurusan Pendidikan Islam. Kita maklum, hakikatnya pada hari ini ramai daripada orang Melayu khususnya berminat untuk menghantar anak-anak mereka kepada sekolah agama dan sekolah yang berasaskan kepada latar belakang agama. Kerana itu kita melihat percambahan Sekolah-sekolah Agama Rakyat di peringkat menengah.

Tuan Pengerusi, dalam beberapa tahun yang lalu setelah perkembangan yang begitu pesat kerana permintaan yang begitu tinggi, perkembangan

Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini sehingga ke peringkat yang tidak terkawal. Kita mendapati, umpamanya sekolah sampai 2,000 orang murid dan bangunannya telah dibina dengan keadaan yang tergesa-gesa dan tidak mengikut spesiHkasi yang selamal dan kita dapati sekolah yang teibakar dan sebagainya. Ini kerana hendak menampung kchcndak orang ramai yang hendak menghantar anak ke sekolah agama. Pihak Kementerian, untuk menampung permintaan ini, membina Sekolah-sekolah Menengah Agama berasrama penuh, seperti contohnya, Sekolah Menengah Agama Sultan Azlan Shah di Seri Iskandar, Perak. Tetapi sekolah-sekolah scperti ini menghadkan pengambilan pelajar-pelajar kepada mercka yang mencapai tahap kclulusan yang tinggi, umpamanya yang mendapat 5A atau 4A iaitu peringkat kelulusan yang tinggi dan kerana itu sebahagian besar daripada mereka yang meminta sekolah agama ini tidak dapat memenuhi permintaan mereka dan ramai juga ibu bapa yang menarik balik keluar anak-anak daripada sekolah Kerajaan dihantarkan kepada Sekolah Agama Rakyat. Walaupun kita menambah sekolah asrama penuh yang berlatar belakangkan agama, kita tidak akan dapat memenuhi permintaan yang banyak ini.

Oleh itu saya mencadangkan supaya kita menubuhkan aliran-aliran agama di sekolah-sekolah menengah biasa, sebagaimana kita mempunyai aliran sains, aliran sastera di sekolah menengah yang sedia ada ataupun aliran perdagangan dan sebagainya. Adakan aliran agama supaya setiap sekolah menengah yang ada dapat menampung permintaan kepada mereka yang inginkan pendidikan menengah berasaskan agama. Dengan yang demikian dapatlah menyelesaikan masalah pertumbuhan Sekolah-sekolah Menengah Agama Rakyat yang tidak terkawal pada hari ini.

Tuan Pengerusi, dengan itu terpaksa kita tambah guru-guru agama dan Maktab Perguruan Islam yang ada satu itu sudah tentu tidak mencukupi. Saya cadangkan supaya ditubuhkan beberapa buah lagi Maktab Perguruan Islam dan Tasek Chenderoh menawarkan supaya satu Maktab Perguruan Islam dapat dibina di pantai Tasek Chenderoh yang permai, indah dan sesuai untuk menjadi tapak bagi satu pusat latihan guru. Sekian. terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Diminta Yang Berhormat Menteri menjawab. Ya, Sila Timbalan Menteri.

6.06 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Fong Chan Onn): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada beberapa orang Ahli Yang Berhormat tentang pandangan, cadangan dan criticism mereka dalam perbahasan Jawatankuasa ini tentang Kementerian Pendidikan. Izinkan saya memberi sedikit penjelasan tentang cadangan yang diberikan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat.

Tentang pendapat Ahli Yang Berhormat dari Kepong, sebagai penjelasan, Kementerian Pendidikan ini memerlukan tambahan dari segi peruntukan untuk pengurusan tahun ini dibandingkan dengan tahun dahulu. Ini adalah kerana pada tahun ini kita akan memerlukan tambahan untuk membayar kenaikan gaji dan untuk membayar tambahan gaji berlandaskan kepada pelaksanaan dua skim yang akan dilaksanakan pada tahun ini sepenuhnya. Juga kita akan memerlukan tambahan peruntukan untuk membayar kenaikan kadar bantuan per kapita kepada sekolah-sekolah yang telah dinaikkan pada tahun ini. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kadar per kapita baru ini telah diluluskan pada tahun 1981 tetapi telah ditangguhkan pelaksanaan-

nya kerana kemerosotan ekonomi. Selain daripada itu juga kita memerlukan perbelanjaan tambahan untuk membayar pembinaan bangunan-bangunan sekolah dan asrama dan juga untuk keperluan institusi-institusi pengajian tinggi.

Tentang perkara yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkaitan dengan prestasi dan kualiti penyelidikan tenaga-tenaga pelajar di universiti tempatan, sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang laporan mengenai kegiatan copying, dengan izin, hasil penyelidikan....

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kepong bangun.

Dr Fong Chan Onn: Tidak payahlah, tidak cukup masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri, Yang Berhormat Kepong.

Dr Fong Chan Onn: Tentang menggunakan hasil orang lain oleh pensyarah dalam penerbitan mereka, sebenarnya Kementerian Pendidikan tidak menerima sebarang laporan tentang hal ini. Tetapi saya perlu menjelaskan di sini, Kementerian Pendidikan sentiasa menguasai dan meneliti perkara ini supaya ianya tidak berlaku kerana kita menitikberatkan tentang imej, kualiti dan kecemerlangan institusi pengajian tinggi tempatan kita dan di sini Kementerian Pendidikan mempunyai kepercayaan penuh terhadap pengurusan dan pentadbiran universiti supaya mereka boleh mengambil tindakan-tindakan tertentu jika ia berlaku dan mengambil tindakan tertentu untuk mengelakkan perkara ini berlaku.

Dr Tan Seng Giaw: (*Bangun*)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, dia bangun lagi.

Dr Fong Chan Onn: Ada banyak lagi perkara, Tuan Pengerusi. Bukan saya takut tetapi ada banyak lagi perkara lagi, saya ingin teruskan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, dia tidak bagi lagi.

Dr Fong Chan Onn: Yang Berhormat dari Kepong ingin mengetahui laporan sepenuhnya mengenai kajian penganalisaan UPSR. Laporan keputusan UPSR 1990 memang ada dan sudah diedarkan kepada bahagian-bahagian tertentu dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk tindakan-tindakan mereka.

Mengenai memansuhkan kelas peralihan bagi pelajar SRJK yang dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Kepong, mengikut Akta Pelajaran 1961, semua murid dari SRJK(C) dan SRJK(T) haruslah mengikuti kelas peralihan oleh kerana bahasa pengantar mereka bukan Bahasa Malaysia dan ini ialah untuk membolehkan mereka menguasai Bahasa Malaysia supaya mereka boleh melanjutkan pelajaran mereka di sekolah menengah dengan jayanya. Dan ini telah dipersetujui oleh masyarakat apabila Akta Pelajaran 1961 ini dilaksanakan. Namun demikian,....

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap. Yang Berhormat dari Kepong bangun.

Dr Fong Chan Onn: Tidak boleh. (Ketawa) Bukan saya tidak mahu beri. Tidak boleh, tidak cukup masa.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Tidak boleh beri jalankah?

Dr Fong Chan Onn: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Okay, teruskan. (Ketawa)

Dr Fong Chan Onn: Untuk makluman Yang Berhormat, memang Kementerian Pendidikan sedar bahawa kita haruslah menggalakkan kecemerlangan di kalangan murid-murid, termasuk murid-murid dari SRTK dan SK. Dan untuk menggalakkan kecemerlangan, Kementerian Pendidikan telah melaksanakan Ujian Khas Bahasa Malaysia supaya mereka yang telah lulus Ujian Khas ini diberi pengecualian dari kelas peralihan.

Sekarang saya ingin beralih kepada pandangan-pandangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, iaitu pertamanya mengenai bahasa Cina dan bahasa Tamil yang tidak diambilkira bagi memasukan program luar kampus di Universiti Sains. Sebenarnya, Kementerian Pendidikan tetap mengambilkira mata-pelajaran tertentu dalam STPM untuk membolehkan calon-calon memasuki kursus-kursus tertentu, jika ada berkaitan. Di sini saya ingin memberitahu Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka bahawa kita juga ada fakulti-fakulti tertentu di mana bahasa-bahasa yang lain, seperti Bahasa Arab yang tidak boleh diambilkirakeranakursus tersebut tidak ada berhubungkait dengan bahasa-bahasa tersebut. Jadi, saya haraplah Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka jangan mengelirukan perkara ini.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): (Bangun)

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat dari Kota Melaka bangun.

Dr Fong Chan Onn: Tidak boleh, tidak cukup masa. Ada banyak Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain juga

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Dia tidak beri. (Ketawa)

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat....

Tuan Lim Guan Eng: Beri peluang! Jangan takut!

Dr Fong Chan Onn: Bukan takut, kita ada banyak

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Kota Melakajangan ambil kesempatan untuk berucap sebelum mendapat keizinan daripada saya.

Dr Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, juga ada satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kepong berkaitan dengan kesesuaian graduates dari universiti tempatan dengan keperluan masyarakat dari segi pekerjaan. Di sini izinkan saya menerangkan sedikit fungsi sesebuah universiti, dan di sini kita ada satu dilemma. Sebenarnya, fungsi sesebuah universiti ialah untuk memperluaskan pengetahuan. Fungsinya bukan semata-mata untuk vokasional sahaja tetapi untuk sesebuah negara yang sedang membangun. Fungsi sesebuah universiti harus juga mengeluarkan graduates yang ada berkaitan dengan keperluan masyarakat dari segi keperluan pekerjaan. Dan di sini universiti-universiti tempatan haruslah cari jalan pertengahan supaya fungsi universiti ini sebagai sebuah institusi pengetahuan dapat dikekalkan. Di samping itu, kita juga boleh ketuarkan graduate-graduate yang boleh memenuhi keperluan masyarakat.

Di sini saya ingin menegaskan bahawa universiti-universiti tempatan selalunya sedar kepentingan graduates kita dari segi memenuhi keperluan masyarakat untuk pekerjaan dan kita telah melaksanakan beberapa kursus tertentu yang membolehkan mereka memenuhi keperluan masyarakat apabila mereka keluar dari universiti. Ini

termasuk kursus-kursus keusahawanan dan juga unuk mempertingkatkan keberibadian mahasiswa tentang interaksi, tentang keperluan pihak swasta dari segi mutu, dari segi pengetahuan dan sebagainya. Dan juga kita di universiti-universiti tempatan ada beberapa rancangan aktiviti ko-kurikulum yang mempertingkatkan kebolehan mereka dari segi pekerjaan apabila mereka keluar dari universiti.

Ahli Yang Berhormat dari Sibru menyentuh tentang Bahasa Malaysia di SRJK dan dia cadangkan bahawa mutu Bahasa Malaysia haruslah dipertingkatkan tanpa menjejaskan mutu bahasa Cina dan bahasa Tamil atau mutu bahasa penghantar. Memang Kementerian Pendidikan sedar bahawa adalah penting kita mempertingkatkan lagi Bahasa Malaysia bukan sahaja di SRJK tetapi juga di Sekolah Kebangsaan. Saya ingin menjelaskan bahawa Kementerian Pendidikan sedang mengkaji langkah-langkah tertentu yang kita boleh ambil untuk memperbaiki lagi atau mempertingkatkan penguasaan Bahasa Malaysia di SRJK.

Kementerian Pendidikan memang sedar tentang kepentingan sistem teknikal dan vokasional di bawah sistem pendidikan kita dan Kememirian Pendidikan dalam Rancangan Malaysia Keenam ada cadangan-cadangan tertentu yang akan boleh menambah bilangan murid-murid untuk masuk ke sekolah vokasional dan teknikal. Apabila Rancangan Malaysia Keenam itu dibentangkan di Parlimen, saya harapkan Ahli Yang Berhormat boleh memberi pandangan mengenai perkara itu dalam perbahasan.

Tentang kepentingan bahawa kita haruslah menambah peluang-peluang untuk anak-anak kita mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi di negara kita, Kementerian Pendidikan memang sedar bahawa kita haruslah menambah lagi tempat yang kita ada di universiti tempatan. Kementerian

Pendidikan selalunya mengkaji kemungkinan untuk menambah lagi bilangan murid-murid ke universiti tempatan. Di samping itu, kita juga ada program-program yang lain seperti memperluaskan Maktab MARA dan sebagainya yang boleh menambah peluang untuk murid-murid kita mengikuti kursus di institusi pengajian tinggi.

Tentang soal kuota untuk memasuki universiti, sebenarnya kuota itu telah dipersetujui di antara parti-parti komponen Barisan Nasional, dan sekiranya perlu, soal ini boleh dikaji semula oleh parti-parti komponen Barisan Nasional.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka membangkitkan sekali lagi tentang kekurangan air, khususnya sekarang masalah air di Sekolah Rendah. Kementerian Pendidikan memang sedar masalah ini dan Kementerian Pendidikan telah mengambil atau melaksanakan beberapa langkah untuk membolehkan murid-murid di sekolah-sekolah di negeri Melaka mengatasi masalah tersebut. Ini termasuk memberi masa tambahan selepas sekolah supaya air itu boleh dibawa ke sekolah dan boleh digunakan untuk keperluan sekolah.

Tentang Kemahiran Hidup yang tidak dibenarkan diambil oleh sekolah persendirian pada tahun ini, sebenarnya kursus atau matapelajaran Kemahiran Hidup ini merupakan satu matapelajaran yang baru dilaksanakan pada tahun ini. Oleh kerana matapelajaran Kemahiran Hidup ini terlibat dengan kursus atau kerja yang dibuat dalam sekolah iaitu kerja-kerja yang dibuat dalam sekolah diambil kira 20% dalam markah akhir dalam peperiksaan, kita memerlukan guru-guru yang terlatih dalam kursus ini dan juga kemudahan yang cukup untuk membolehkan murid-murid mereka mempelajari bidang-bidang seperti kraftangan dan sebagainya.

Pada tahun ini kita sedar bahawa kita tidak ada sekolah persendirian yang boleh memenuhi syarat itu iaitu ada bengkel atau ada kemudahan yang cukup untuk membolehkan murid-murid mereka membuat kraftangan dalam sekolah dan tidak cukup guru-guru yang terlatih yang boleh mengakseskan, dengan izin, ciptaan tersebut. Maka itu diambilkira dalam peperiksaan akhirnya tetapi saya ingin memaklumkan di sini Kementerian Pendidikan sedang mengkaji kalau sekolah-sekolah persendirian itu mempunyai kemudahan yang cukup dan juga guru-guru terlatih yang cukup, memang Kementerian Pendidikan akan membenarkan murid-murid dari sekolah tersebut mengambil kursus itu.

Ahli Yang Berhormat dari Batang Lupar juga membangkitkan tentang soal kepentingan teknik dan vokasional dan juga kepentingan mengadakan kursus berkaitan dengan industri petroleum di Sarawak. Sebenarnya Kementerian Pendidikan selalu menitikberatkan soal ini dan kita sedang mengkaji sama ada kita boleh mengadakan kursus tersebut di Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk membolehkan kursus tersebut diadakan kita haruslah ada guru-guru terlatih yang cukup di bidang petroleum dan juga kita haruslah ada dilengkapi dengan kemudahan yang cukup dan pada peringkat ini tenaga pengajar khususnya pensyarah-pensyarah dan guru-guru yang terlatih dalam bidang tersebut adalah amat kekurangan.

Tentang kekurangan buku teks ini, sebenarnya buku teks yang cukup telah disediakan pada tahun yang sudah iaitu pada tahun 1990 sebelum sekolah ini bermula. Tetapi mungkin kekurangan buku teks ini wujud kerana sekolah-sekolah tertentu ada bilangan murid-murid tambahan yang ada di luar jangkaan iaitu di lempal-tempal tertentu apabila sekolah-sekolah ini mengambil

jumlah murid yang luar dari kita jangka, mcmanglah kekurangan buku teks ini wujud. Tetapi saya ingin menjamin bahawa masalah ini merupakan masalah temporary atau sambilan sahaja dan kita akan mcngatasi masalah tersebut.

Tentang cadangan Ahli Yang Berhormal dari Padang Terap tentang kepentingannya kita memilih seorang Naib Canselor yang cemerlang untuk Universiti Malaya. Memang Kementerian Pendidikan sclalu ingin memilih Naib Canselor yang cemerlang bukan sahaja untuk Universiti Malaya tetapi juga untuk untversiti-universiti yang lain. Pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap memang kita akan ambilkira.

Beberapa Ahli telah membangkitkan tentang kekurangan kemudahan perumahan untuk guru-guru. Memang ini merupakan satu masalah yang dihadapi oleh sebilangan besar guru-gurunya dan Kementerian Pendidikan akan cuba sedaya upaya supaya masalah ini boleh diatasi dengan secepat mungkin.

Tentang yuran peperiksaan—yuran peperiksaan untuk SRP sebenarnya tidak diubah sejak tahun 70an dan pada masa sekarang kita anggap bahawa kadar yuran yang diperlukan atau yang dibayar olch murid-murid untuk mcngambil peperiksaan tersebut adalah amat rndah tetapi kita boleh kaji semula supaya murid-murid dari keluarga yang miskin boleh diberi subsidi atau diberi bantuan supaya mereka boleh membayar yuran tersebut. Sebaliknya kita dapati bahawa ada beberapa Ahli Yang Berhormat yang mencadangkan bahawa kita menaikkan yuran bayaran kepada pemeriksa-pemeriksa tertentu. Ini memerlukan perbelanjaan dan kalau kita tidak seimbang dengan kenaikan kadar bayaran peperiksaan bereriinya kita haruslah cari tambahan

dari sumber-sumber yang lain. Ini merupakan satu masalah yang Kementerian Pendidikan haruslah atasi.

Ahli Yang Berhormat dari Muar telah membangkitkan tentang soal Falsafah Pendidikan. Sebenarnya Falsafah Pendidikan negara kita adalah jelas iaitu untuk melatih seseorang supaya dia boleh menjadi seorang rakyat yang menyelumh termasuk daya rohani dan jasmani dan seimbang yang boleh menjadi seorang rakyat yang bertanggungjawab dan sebagainya. Itu merupakan Falsafah Pendidikan negara kita dan kita selalu mengkaji bagaimana atau cara-cara yang kita boleh laksanakan untuk mencapai Falsafah tersebut. Untuk tujuan ini dalam usaha memperbaiki Akta atau menyemak Akta 1961, kita menerima segala cadangan yang Ahli Yang Berhormat ada supaya cadangan-cadangan tersebut boleh dibincang sama ada dalam Majlis Perundingan Pendidikan Negara atau di Parlimen sini supaya kita boleh menubuhkan satu Falsafah Pendidikan yang scmpurna, yang lengkap dan juga kita boleh ada satu strategi yang mcbolehkan kita mencapai Falsafah itu dengan sempurnanya.

Ahli Yang Berhormat dah Rantau Panjang telah membangkitkan soalan-soalan tentang Sekolah Menengah Agama Rakyat dan kekurangan tempat di sekolah-sekolah tersebut. Memang adalah menjadi tujuan Kerajaan untuk memberi bantuan kepada semua pihak termasuk pihak-pihak bukan Kerajaan untuk memboleh atau menggalakkan mereka mengadakan pendidikan supaya kita boleh bersama-sama memenuhi keperluan pendidikan di kalangan murid-murid kita. Segala cadangan dan pendapat yang dikemukakan, Kementerian Pendidikan akan mengambil kira dan sekiranya perlu kita akan memasukkan dalam strategi-slstrategi yang kita ada supaya kita boleh mcperluaskan lebih peluang pendidikan untuk kepentingan rakyat kita.

Ahli Yang Berhormat dari Teluk Kemang telah membangkitkan tentang soal, dengan izin, social returns and private returns untuk pendidikan di sekolah rendah. Memang Kementerian Pendidikan sedar bahawa social returns di kalangan murid-murid sekolah rendah adalah amat tinggi iaitulah asas bahawa kita mengadakan konsep pendidikan universal iaitu tujuan kita ialah untuk memberi pendidikan sampai tahap tingkatan tiga untuk semua murid-murid dalam, dengan izin, age group tersebut.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri, jawapan panjang lagi ke tidak?

Dr Fong Chan Onn: Ada lagi, panjang lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh sambung esok.

Dr Fong Chan Onn: Bolehlah, Tuan Pengerusi, terima kasih.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Mesyuarat ditangguhkan hingga 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.